

BAB DUA

ETIKA PENIAGAAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

2.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan mendedahkan tentang etika perniagaan, mulai daripada konsep etika sama ada daripada konsep konvensional mahupun Islam. Amalan etika dalam perniagaan merupakan amalan yang sangat penting untuk diamalkan oleh semua peniaga. Oleh kerana yang demikian, pada bab ini penulis juga akan menghuraikan mengenai konsep perniagaan dalam Islam, landasan hukum perniagaan, prinsip-prinsip perniagaan dan perniagaan yang dibolehkan dan dilarang dalam Islam.

Konsep etika perniagaan juga akan diketengahkan dengan menghuraikan konsep etika perniagaan dalam Islam, dan amalan etika perniagaan yang mengikuti etika Islam. Hal ini perlu didedahkan kerana amalan etika perniagaan merupakan hal yang penting diketahui dan diamalkan oleh semua peniaga Islam, sehingga hasil ataupun keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan, merupakan hasil yang baik dan halal di sisi Islam.

2.2 Konsep Etika

2.2.1 Pengertian Etika

Etika sebagai undang-undang dalam suatu kumpulan masyarakat akan dapat membimbing dan mengingatkan anggotanya kepada suatu tindakan yang terpuji (*good conduct*) yang harus selalu dipatuhi dan dilaksanakan. Etika didalam perniagaan sudah

tentu harus disepakati oleh orang-orang yang berada dalam kumpulan perniagaan dan kumpulan berkaitan yang lain.¹

Dunia perniagaan bukan sahaja kaitan hubungan antara pengusaha dengan pengusaha tetapi mempunyai kaitan secara nasional bahkan antara bangsa. Tentu dalam hal ini, untuk mewujudkan etika dalam perniagaan memerlukan perbincangan yang telus antara semua pihak, baik usahawan, kerajaan, masyarakat dan bangsa lain agar jangan hanya satu pihak sahaja yang menjalankan etika, sementara pihak lain berpegang kepada apa yang mereka inginkan.

Ertinya, kalau ada pihak berkaitan yang tidak mengetahui dan bersetuju adanya etika moral, maka apapun yang disepakati oleh kalangan ahli perniagaan tidak boleh diwujudkan. Jadi, untuk menghasilkan suatu etika dalam perniagaan bagi menjamin sikap peduli antara satu pihak dan pihak lain, tidak perlu perbincangan yang bersifat global yang mengarah kepada suatu peraturan yang tidak merugikan sesiapa dalam ekonomi.²

Etika sebagai kajian tentang moral dalam kehidupan manusia mempunyai tugas utama untuk membina kesedaran moral, dan bukan sekadar memberikan ajaran-ajaran moral. Dengan demikian, etika dapat melahirkan pemahaman baru dari kesedaran yang baru pula.³ Dalam hubungannya antara etika dan dunia perniagaan, Robby I Chandra memberikan ciri-ciri atau prinsip etika seperti berikut: *pertama*, berurusan dengan hal-hal yang mempunyai kesan yang serius untuk kebaikan kesejahteraan manusia. *Kedua*, penentuan suatu prinsip etika tidak bergantung kepada peraturan-peraturan yang

¹Ritha F.Dalimunthe, “Etika Perniagaan”, *Jurnal Universitas Sumatera Utara* (2009), 3-4.

²*Ibid.*

³Ahmad Charis Zubair, *Agama Menurut Sudut Tinjauan Etika dalam Wacana Politik* (Kertas Kerja Sesi loka Moral dan Agama Dalam Pembangunan, di IAIN Sunan Kalijaga (28 Februari 2000), 6.

diberikan oleh suatu badan tetapi bergantung kepada alasan-alasan dan sebab musabab yang menyokong prinsip tersebut. *Ketiga*, mengatasi keinginan peribadi. *Keempat*, bertumpu kepada beberapa pertimbangan-pertimbangan yang tidak berpihak atau *impartia.l*⁴ Dengan prinsip-prinsip ini, maka etika perniagaan menurut Chandra, membincangkan ciri-ciri tersebut dalam kenyataan konsep-konsep dan amalan-amalan perniagaan.

Dalam konsep etika perniagaan, etika sering dikaitkan dengan tingkah laku manusia. Dalam bahasa Inggeris, etika disebut juga sebagai ‘ethics’, yang bermaksud ilmu yang membahas tentang moral. Etika menurut Bittel, Birke Dan Bilbrey adalah suatu koleksi prinsip-prinsip moral, peraturan yang diamalkan oleh masyarakat, ia dapat diterima oleh sebahagian atau seluruh masyarakat.⁵

Perbincangan mengenai etika selalunya tidak terlepas daripada perbincangan mengenai moral, kerana kedua-dua hal tersebut saling terkait satu sama lain. Oleh kerana demikian, terdapat sarjana Barat yang menyatakan bahawa etika dan moral mempunyai makna yang sama.⁶

Dalam bahasa Melayu, etika dimaksudkan sebagai ilmu yang berkaitan dengan akhlak dan moral atau prinsip moral yang menjadi pegangan individu atau masyarakat. Sementara itu, menurut kamus Dewan telah mendefinisikan etika sebagai prinsip moral atau akhlak atau nilai-nilai akhlak atau tingkah laku yang menjadi pegangan seseorang atau suatu kumpulan (persatuan, pekerjaan, dan lain-lain).⁷

⁴Robby I Chandra, *Etika Dunia Perniagaan* (Yogyakarta: Kanisius, 1995), 42.

⁵Mustafa Haji Daud, *Etika Pengurusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1996), 16.

⁶Peter Baelz, *Ethics and Belief* (London: Sheldon Press, 1977), 2.

⁷Kamus Dewan, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), 345, entri “etika”.

Pendapat lain pula, ada yang mengatakan bahawa perkataan etika berasal daripada perkataan Greek iaitu dasar perkataan ‘ethos’ yang membawa maksud kelakuan, adat kebiasaan atau sifat yang berkaitan dengan tingkah laku dan tindakan manusia. Perkataan ini telah digunakan buat pertama kali oleh Aristotle untuk menjelaskan tentang sifat dan pembawakan seseorang individu.⁸

Beberapa sarjana Barat telah mencuba memberikan definisi etika. Carol W. Lewis memberikan takrif etika iaitu “suatu perkara yang melibatkan pemikiran sistematik tentang moral, akhlak, dan membuat pertimbangan tentang ‘betul’ atau ‘salah’ terhadap sesuatu perkara.⁹ Manakala Robin Snell, mendefinisikan bahawa etika merupakan sesuatu yang merujuk kepada prinsip-prinsip atau proses-proses alasan yang bertujuan untuk mengenal pasti apa yang sebenarnya betul atau salah, yang baik atau buruk terhadap sesuatu yang lain.¹⁰

Dari pada definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa etika adalah suatu prinsip, pemikiran, tingkah laku, atau proses tertentu yang dapat berfungsi untuk mengawal segala perilaku manusia sehingga akan membawa kepada kebaikan.

2.2.2 Sejarah Etika

Etika merupakan suatu prinsip atau nilai yang diamalkan oleh manusia. Sejarah etika sudah dimulai sejak manusia diturunkan ke dunia ini. Oleh kerana itu, etika mempunyai sejarah yang sangat tua sekali yang dimulai semenjak manusia lahir.

⁸ Ronald M. Green, *The Ethical Manager: A New Method For Business Ethics* (New York: Macmillan College Publishing Company, Inc, 1994), 46.

⁹ Carol W. Lewis, *The Ethics Challenge in Public Service* (California: Jossey-Bass Publishers, 1991), 3.

¹⁰ Robin Snell, *Developing Skill for Ethical Management* (London: Chapman & Hall, 1993), 3.

Etika pertama dan yang tertua dipelopori oleh Nabi Adam AS sebagai manusia pertama di muka bumi ini, kemudian terus-menerus disambung oleh para Rasul yang lain sampai kepada Nabi Muhammad SAW. Semua Rasul yang diutus mempunyai tujuan yang sama, iaitu membawa risalah tauhid yang sama dan risalah etika yang satu iaitu beribadat kepada Allah SWT dan melakukan kebaikan serta menjauhi kejahanan di atas muka bumi ini.¹¹ Oleh kerana demikian, etika ini dapat diterima oleh semua kalangan dalam semua agama, kerana tidak bertentangan dengan nurani manusia.

Etika adalah bahagian dari ilmu yang membahas tentang nilai dan budi pekerti. Dengan demikian, etika membezakan perilaku manusia yang baik dan yang buruk. Budi pekerti bererti sikap dan prilaku yang baik. Sifat-sifat yang baik akan mendatangkan kebaikan dan sebaliknya hal yang buruk akan menghasilkan keburukan pula. Oleh kerana itu kita perlu menjunjung tinggi nilai budi pekerti yang luhur. Ajaran budi pekerti menuntut kita agar selalu berbuat kebaikan, kebenaran, serta memupuk keharmonisan gubungan manusia dengan tuhan, manusia dengan manusia, dan manusia dengan lingkungan, yang sering disebut dengan konsep saling memerlukan, salah satu bagian adalah hubungan manusia dengan manusia. Hal ini sangat perlu dilakukan oleh umat manusia, kerena manusia sebagai makhluk sosial yang memerlukan adanya hubungan dengan manusia lainnya, hal ini dilakukan bertujuan untuk dapat memenuhi kebutuhan hidupnya. Maka dari itu sangat perlu usaha manusia untuk mewujudkan hubungan yang harmonis antar umat manusia. Salah satu caranya iaitu mengembangkan sikap toleransi.¹²

Selain agama Islam, etika juga diajarkan dalam agama lain. Dalam kitab Veda (1500 S.M) mengandungi ajaran etika di samping dasar ketuhanannya. Etika yang

¹¹Mustafa Haji Daud, *Etika Pengurusan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 1996), 19.

¹²Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fatāwā Mu'āṣirah*, Cet. ke-3. Jilid ke-2 (Manṣūrah: al-Dār al-Wafā', 1994), 667.

diajarkan dalam kitab Veda adalah mengajarkan kepada penganutnya mematuhi disiplin dengan melaksanakan tuntutan ajaran agama Hindu dan melaksanakan upacara ibadat kepada tuhan mereka. Manakala dalam agama Buddha pula, ajaran etika yang diperjuangkan oleh agama tersebut adalah: sengsara sakit sebagai lazim dalam alam ini, kembali ke dunia (reinkarnasi) disebabkan kotornya roh dengan nafsu syahwat terdahulu, untuk menyelamatkan diri dalam usaha mencapai nirwana, maka hendaklah melepaskan diri dari syahwat, wajib jauhi rintangan yang menghalang seseorang dalam melepaskan nafsu syahwatnya.¹³

Etika juga telah berkembang sampai pada zaman Greek kuno, ramai daripada ahli falsafah pada zaman tersebut telah membicarakan mengenai etika, seperti: Socrates (469-399 S.M), Antistenes (414-370 S.M), Plato (427-247 S.M), Aristotle (394-322 S.M), dan lain-lain.Ulama Islam juga tidak ketinggalan membicarakan etika, bahkan sangat ramai daripada ulama Islam yang telah membahas mengenai etika seperti: Ibnu Maskawayh (963-1030 M), Ikhwān al-Šafā (983 M), Imām al-Ghazālī (1059-1111 M), dan lain-lain.¹⁴

Pada abad pertengahan moden, etika juga telah berkembang di Eropah, akan tetapi, perkembangan etika pada abad ini menimbulkan pertentangan antara falsafah dan gereja. Namun demikian, pihak gereja masih menerima falsafah Greek dengan ajaran kristian. Pada abad ini banyak lahir tokoh-tokoh yang memperkenalkan kembali etika, seperti: Abelard (1079-1142), Thomas Aquino (1226-1274), Spinoza (1632-1677), Immanuel Kant (1724-1804), Jonh Stuart Mill (1806-1873), Herbert Spencer (1820-1903), dan lain-lain.¹⁵

¹³Ibid., 20.

¹⁴Ibid.,22.

¹⁵Ibid.,25.

Sejarah perkembangan etika tidak terlepas daripada pemikiran para tokoh pada zaman tersebut. Sepanjang sejarah pula, etika barat sering kali menimbulkan kontroversi dengan teori yang ditimbulkan, manakala etika Islam tidak pernah bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan, sehingga dapat diterima oleh semua kalangan daripada zaman Nabi Adam AS sampai dengan sekarang.

2.2.3 Teori-teori Etika

Teori-teori etika secara umum telah dilahirkan daripada pemikiran-pemikiran ahli falsafah. Beberapa teori etika yang telah dikembangkan oleh ahli filosof dalam bidang etika adalah sebagai berikut:

a. Utilitarianisme

Utilitarianisme berasal dari bahasa latin *utilis* yang bererti “bermanfaat. Menurut teori ini suatu perbuatan adalah baik jika membawa manfaat, tapi manfaat itu harus menyangkut bukan sahaja satu dua orang, melainkan masyarakat sebagai keseluruhan. Teori ini sangat sesuai dengan pemikiran ekonomis, kerana cukup dekat dengan *Cost-Benefit Analysis*. Manfaat yang dimaksudkan utilitarianisme dapat dihitung sama seperti kita menghitung untung dan rugi atau kredit dan debit dalam konteks perniagaan. Teori ini dibezakan menjadi dua jenis, iaitu: Utilitarianisme Perbuatan (*Act Utilitarianism*) dan Utilitarianisme Aturan (*Rule Utilitarianism*).¹⁶

Teori ini diperkenalkan oleh Jeremy Bentham (1748-1832) dan John Stuart Mill (1806-1873). Teori ini telah wujud sejak lebih tiga abad yang lalu yang memberi

¹⁶Tom L. Beauchamp and Norman E. Bowie, *Ethical Theory and Business*, Edition 7th (New Jersey: Upper Saddle River, 2004), 20-21.

penekanan kepada akibat atau hasil yang akan dicapai dan diperolehi daripada kelakuan seseorang. Teori ini bermaksud, setiap tindakan atau perbuatan akan diukur daripada sudut etika hanya ketika jumlah utiliti yang dihasilkan daripada perbuatan tersebut lebih besar daripada utiliti perbuatan lain yang dilaksanakan dalam sesuatu tempat. Maksudnya, suatu tindakan dianggap beretika apabila ia memberi utiliti atau faedah, kegunaan, kebaikan, dan manfaat yang banyak bagi orang lain.¹⁷

Jadi menurut teori ini, benar atau salah suatu tindakan atau perbuatan, tidak berkaitan dengan sifat yang dimiliki oleh seseorang yang melakukannya. Teori ini hanya menekankan kepada semakin banyak faedah yang dinikmati, maka semakin tinggilah nilai etika orang tersebut dan sebaliknya.¹⁸

b. *Egoism*

Teori Egoisme adalah sesuatu perbuatan akan dianggap bermoral hanya jika ia memenuhi kepentingan seseorang atau kelompok tertentu. Ini bermakna, menganut teori ini akan meletakkan kepentingan diri atau kelompok tersebut sebagai sebuah prinsip atau panduan dalam melakukan sesuatu perbuatan. Oleh kerana yang demikian, ramai daripada penganut teori ini yang yang melakukan perbuatan yang memberi manfaat atau faedah dan tidak merugikan diri dan kelompok mereka.¹⁹

Teori ini tidak banyak diamalkan oleh masyarakat, disebabkan teori ini hanya mementingkan diri sendiri dan tidak menerima kritikan daripada pihak lain. Oleh kerana

¹⁷Ibid., 17.

¹⁸Mustafa Haji Daud, *Etika Pengurusan*, (Surabaya cahaya Sinar 1999) 17.

¹⁹Thomas Donaldson and Patricia H. Werhane, *Ethical Issues in Business A Philosophical Approach* (New Jersey: Prentice Hall, 1979), 24.

yang demikian, teori ini tidak mendapat ramai pengikut, bahkan ada juga daripada beberapa pihak yang menolak teori ini secara keseluruhan.²⁰

c. *Hedonism*

Teori hedonisme ini mengajarkan bahawa perbuatan yang terbaik dan beretika bagi manusia adalah mengusahakan kepada keseronokan, kesenangan, dan kenikmatan (Hedone). Manakala sebaliknya, perbuatan yang berakhir dengan kesakitan dan kesedihan dianggap tidak beretika dan buruk.²¹

Teori Hedonisme dipelopori oleh Antistenes (414-370 S.M) yang mempunyai fahaman bahawa manusia perlu keluar daripada masyarakat untuk menikmati kehidupan yang lebih sempurna kerana dunia ini dinaggap penuh dengan kejahanatan dan dosa. Setelah Antistenes meninggal, teori ini kembali diterajui oleh Epicurus (341-270 S.M).²² Epicurus telah membahagikan keseronokan atau kelazatan tersebut kepada beberapa bahagian, iaitu:

1. Kelazatan utama iaitu keperluan asas manusia seperti makan dan minum;
2. Kelazatan wajar tetapi tidak berapa diperlukan seperti makan dan minum minuman yang lebih lazat;
3. Kelazatan tidak wajar, tidak diperlukan dan tidak berdasarkan kepada yang benar seperti rasa riak atau bongkak dengan harta kekayaan.

²⁰William H. Shaw, *Business Ethics*, Edisi 3 (California: Wadsworth publishing Co., 1999), 47-48.

²¹Tom L. Beauchamp, et al, *Ethical Theory and Business* (New Jersey: Prentice Hall, 1979), 4-5.

²²Mustafa Haji Daud, *Etika Pengurusan*, 16.

Teori ini juga berimpak negatif kepada kehidupan manusia keseluruhannya disebabkan lena dengan keseronokan. Beberapa tokoh bahkan menolak teori ini, kerana keseronokan berlebihan dapat berakibat buruk.

d. Platonism

Teori platonisme menekankan kepada peri pentingnya ilmu pengetahuan dalam setiap perbuatan dalam kehidupan ini. Penganut fahaman ini menganggap bahawa sesuatu kejadian atau dosa dilakukan kerana kurang ilmu pengetahuan dalam diri, oleh kerana itu teori ini muncul untuk memberikan penerangan. Tokoh utama dalam teori ini adalah Plato (427-347 S.M) yang merupakan ahli falsafah Greek kuno yang sangat giat memperbincangkan perkara mengenai etika.²³

e. Deontologi

Deontologi adalah teori tentang kewajipan. Teori deontologi juga dikenal dengan teori hak-hak moral, kerana di antara hak dan kewajipan saling terkait di antara satu sama lain. Hak dan kewajipan diibaratkan seperti logam yang mempunyai dua sisi yang tidak dapat dipisahkan. Selain itu dalam sesebuah buku, teori ini dikenal dengan Kantianism, iaitu mengambil nama tokoh yang mengembangkan teori ini (Immanuel Kant).²⁴

Teori deontologi atau teori hak dikembangkan oleh Immanuel Kant (1724-1804). Teori ini didasari oleh prinsip-prinsip moral dan hak yang harus dimiliki oleh setiap manusia. Dalam pemikiran moral dewasa ini, teori hak ini adalah pendekatan yang

²³ Muhammad Muslehuddin, *Morality- It's Concept and Role in Islamic Order* (Delhi: Taj Co, 1982), 5-6.

²⁴ George D. Chrissides and Hohn H. Kaler, *An Introduction to Business Ethics* (London: Chapman and Hall, 1993), 97.

paling banyak dipakai untuk mengevaluasi baik buruknya suatu perbuatan atau perilaku.

Kant telah mengemukakan beberapa asas prinsip moral dalam menentukan sesuatu perlakuan itu beretika atau tidak. Ada tiga prinsip yang harus dipenuhi :

- (1) Supaya tindakan punya nilai moral, tindakan ini harus dijalankan berdasarkan kewajipan;
- (2) Nilai moral dari tindakan ini tidak tergantung pada tercapainya tujuan dari tindakan itu melainkan tergantung pada kemahuan baik yang mendorong seseorang untuk melakukan tindakan itu, kalaupun tujuan tidak tercapai, tindakan itu sudah dinilai baik;
- (3) Sebagai kebijaksanaan dari kedua prinsip ini, kewajipan adalah hal yang niscaya dari tindakan yang dilakukan berdasarkan sikap hormat pada hukum moral secara menyeluruh.²⁵

f. Keadilan

Keadilan juga diperkenalkan sebagai sebuah teori dalam ilmu etika kerana keadilan adalah satu aspek yang penting dalam moral dan juga etika. Oleh kerana yang demikian, para tokoh atau ahli falsafah cenderung mengetengahkan isu keadilan dan kesaksamaan dalam menentukan sesuatu tindakan yang dilakukan itu beretika ataupun tidak, di antara ahli falsafah ada yang berpendapat bahawa keadilan lebih penting dan relevan untuk dijadikan ukuran dalam perbuatan manusia berbanding dengan teori

²⁵ *Ibid.* 119.

utiliti,²⁶ seperti Socrates (469-399 S.M), Antistenes (414-370 S.M), Plato (427-247 S.M), Aristotle (394-322 S.M).²⁷

Teori-teori tersebut mempunyai kelemahan masing-masing yang masih diperbincangkan di kalangan para tokoh falsafah. Walau bagaimanapun, teori tersebut telah memberi sumbangan pemikiran kepada ilmu etika.

2.2.4 Etika Menurut Islam

Etika merupakan salah satu disiplin pokok dalam falsafah. Ia mencerminkan bagaimana manusia harus hidup agar boleh menjadi sebagai manusia. Dalam konteks ini, etika mengandungi peraturan-peraturan mengenai apa yang betul dan apa yang salah, apa yang baik dan apa yang buruk. Ia merupakan falsafah moral atau falsafah mengenai tingkah laku sebagai orientasi yang mengandungi cara-cara bagi usaha manusia untuk menjawab persoalan-persoalan asas dalam kehidupannya. Dengan kata lain, etika dapat difahami sebagai usaha dengan akal budinya untuk menyusun teori mengenai penyelenggaraan hidup yang baik.²⁸

Dalam khazanah pemikiran Islam, etika difahami sebagai *al-akhlāq*, *al-adāb* atau *al-falsafah al-adabiyyah*, yang mempunyai matlamat untuk mendidik moral manusia.²⁹ Ia terdapat dalam ayat-ayat al-Quran yang sangat luas dan dikembangkan dalam pengaruh falsafah Yunani.

²⁶John Rawls, *A theory of Justice* (Cambridge: Harvard University Press, 1971), 3-4.

²⁷*Ibid.*,22.

²⁸ Komaruddin Hidayat, *Etika Dalam Kitab Suci dan Relefaninya Dalam Kehidupan Modern: Studi Kasus di Turki* (Jakarta: Paramadina,1995), 509.

²⁹ Sayyed Nasr and Oliver Leaman, *History of Islamic Philosophy* (London: Routledge,1996),842-843.

Lebih tegas, mengikut Majid Fakhri etika merupakan gambaran rasional mengenai hakikat dan dasar perbuatan dan keputusan yang benar serta prinsip-prinsip yang menentukan tuntutan bahawa perbuatan dan keputusan tersebut secara moral diperintahkan dan dilarang.³⁰ Dengan landasan pengertian akhlak ini, maka perniagaan merupakan sebahagian daripada perbuatan yang menjadi fokus perbahasan.

Etika merupakan sekumpulan prinsip-prinisp moral yang mempengaruhi kelakuan. Pembentukan suatu etika perlu mengambil kira norma masyarakat dan nilai individu itu sendiri. Keperluan seseorang kepada etika didorong oleh nilai yang datang lebih awal yang berkeyakinan tentang betapa pentingnya batasan penentuan antara baik dan buruk. Akhlak merupakan istilah yang paling tepat untuk digunakan dalam membincangkan perihal etika dalam Islam. Ini kerana di dalamnya terkandung nilai-nilai Islam yang amat sesuai untuk diadaptasi ke dalam etika pengurusan,³¹ termasuk di dalamnya pengurusan pentadbiran perniagaan.

Dalam perbincangan mengenai etika, para sarjana Islam lebih mendefinisikan etika dengan tajuk Akhlak. Ibnu Miskawīh, Imām al-Ghazālī, Imām al-Rāzī dan lain-lain telah banyak ditemui oleh penulis membahas masalah etika dengan tajuk Akhlak. Hal ini menunjukkan bahawa Islam juga telah menempatkan etika atau akhlak pada tempat yang tinggi dalam kehidupan manusia.³²

Dari segi bahasa, akhlak berasal daripada perkataan Arab iaitu akhlak adalah bentuk jamak dari kata khūlūq yang ertiya budi pekerti, perangai, tingkah laku, atau tabiat. Selain itu akhlak juga dapat dierangkan sebagai perilaku yang dimiliki oleh

³⁰ Majid Fakhri, *Etika Dalam Islam* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar dan Pusat Studi Islam-USM, 1996) , XV-XVI.

³¹Nor’Azzah binti Kamri (*Etika Pengurusan Islam dan Konvensional, Suatu Analisis Perbandingan*), *Jurnal Syariah*Vol.10, No. 2 (2002), 43-66.

³²Intan, *Citra Karya: Falsafah, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam* (Kuala Lumpur: INTAN, 1994), 7.

manusia, sama ada yang bersifat terpuji disebut (*akhlāq al-karīmah*) mahupun yang bersifat tidak terpuji disebut (*akhlak al-mazmūmah*).³³

Menurut Mohd Nasir Omar, akhlak adalah suatu hal atau maruah diri yang menjadikan seseorang itu boleh melakukan sesuatu perbuatan secara serta merta dan tanpa ada perencanaan terlebih dahulu. Beliau menyebutkan ada dua perasaan yang timbul daripada akhlak, iaitu kebiasaan yang kurang baik seperti: cepat marah, takut, dan lain-lain, serta perasaan yang baik seperti: konsisten, disiplin diri, dan lain-lain.³⁴

Manakala Imām al-Ghazālī pula mendefinisikan akhlak sebagai suatu budi pekerti mulia yang wujud dalam diri seseorang, di mana dirinya lah yang membentuk perbuatan dengan mudah tanpa ada pertimbangan akal terlebih dahulu. Perkataan budi pekerti yang dimaksud adalah sifat mulia dalam diri seseorang, jika itu baik, maka akan melahirkan perbuatan yang baik dan dapat diterima oleh akal. Manakala jika sifat tersebut jahat, maka akan melahirkan kelakuan yang buruk pula (akhlak yang buruk).³⁵

Berdasarkan definisi di atas, para sarjana Islam secara umum bersepakat mendefinisikan etika atau akhlak sebagai sesuatu sifat atau kebiasaan yang lahir secara serta merta tanpa didahului suatu pertimbangan oleh akal, sehingga melahirkan suatu perbuatan yang baik atau buruk.

³³ Ibrāhīm Anīs, et al. -*Mu'jam al-Wajīz* (Miṣr: Jumhūriyyah al-Miṣrī al-Arabiyyah, 2001), 209.

³⁴ Mohd Nasir Omar, *Akhlaq dan Kaunseling Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2005), 14.

³⁵ Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ġazzālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, Jilid. 3 (Kaherah: Muassasah al-Ḥalabī wa Shurakāhu li al-Nashr wa al-Tawzī', 1976), 68.

2.3 Konsep Perniagaan Dalam Islam

Perniagaan adalah suatu bentuk kaedah pusingan modal untuk mendapat keuntungan, dan perniagaan itu sebagai suatu cara memperbesarkan modal. Keadaan ini adalah berasaskan sistem perakaunan di mana modal peniaga akan bertambah (kadang-kala berkurangan) disebabkan oleh penambahan keuntungan bersih yang diperolehi setiap tahun. Pemikiran Wahbah al-Zuhayli³⁶ dilihat sebagai cenderung mentafsir proses perniagaan itu sebagai sesuatu yang selanjar atau berterusan daripada aktiviti jualbeli yang shahih, bukan terhenti setakat satu transaksi sahaja. Hal ini menunjukkan bahawa perniagaan merupakan rangkaian aktiviti yang berterusan kepada lahirnya pelbagai macam aktiviti lain termasuk syarikat ataupun korporat.³⁶

Dalam pengertian yang lain, perniagaan diterjemahkan sebagai aktiviti yang mengarah kepada keuntungan. Dalam makna yang lain, perniagaan sebagai suatu usaha yang teratur oleh individu atau beberapa individu bagi mengeluar dan menjual barang dan perkhidmatan yang boleh memuaskan keperluan masyarakat untuk tujuan mengaut keuntungan. Definisi ini mungkin lebih tertumpu kepada kaedah pengurusan, seperti mana definisi yang menuju kepada organisasi bersistem. Dalam konteks ini, perniagaan adalah organisasi yang berusaha untuk memperolehi keuntungan dengan menyediakan barang dan juga perkhidmatan.³⁷

Kebanyakan penulis mengelaskan perniagaan mengikut disiplin perniagaan atau jabatan sesebuah organisasi perniagaan, dan secara lazimnya ia mengikut terminologi ekonomi kepada sektor-sektor seperti peruncitan, pemborongan, pengilangan, pengedaran, pembekalan dan perkhidmatan. Selain daripada pengelasan begitu,

³⁶Wahbah al-Zuhayli, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, jilid.5, (Beirut: Dār al-Fikr, 2005), 3907-3908.

³⁷ Wan Sabri Wan Hussin “Orang Islam dan Perniagaan Terlarang di Malaysia dari Perspektif Makro.” *Jurnal Usuluddin* 21(2005), 13-17.

perniagaan juga boleh dikelaskan mengikut saiz. Perniagaan dikelaskan kepada kecil, sederhana dan besar. Satu lagi kaedah pengelasan perniagaan ialah mengikut aktiviti sesebuah perniagaan. Ini termasuklah perniagaan yang berbentuk pengeluaran dan perkhidmatan.

Perniagaan berbentuk pengeluaran adalah terdiri daripada *ekstraktif*, barang pengguna, barang industri, pembuatan dan pemasangan. Sementara perniagaan berbentuk perkhidmatan termasuk aktiviti peruncitan, pemborongan, kewangan dan perbankan, profesional, perhotelan dan pendidikan. Namun, tidak ada penulis buku atau artikel yang mengelaskan perniagaan kepada yang diharuskan dan yang diharamkan.³⁸

Perniagaan pada dasarnya merupakan suatu kegiatan yang dapat dilakukan oleh semua orang, khususnya ketika berusaha untuk memenuhi keperluan hidup.³⁹ Namun kenyataannya, perniagaan ini bukanlah sebagai usaha memenuhi keperluan individu semata-mata, melainkan untuk memenuhi keperluan masyarakat, bahkan negara. Dengan demikian, perniagaan mempunyai pengertian yang luas.

Pada perbahasan pertama ini, pengkaji akan menjelaskan perniagaan kepada beberapa pengertian; antara lainnya ialah perusahaan, tugas, urusan dan hak.⁴⁰ Usaha niaga, usaha komersial dalam dunia perniagaan atau bidang usaha⁴¹ adalah sebahagian daripada beberapa pengertian tersebut. Sesungguhnya perniagaan memperlihatkan dirinya sebagai aktiviti ekonomi yang secara sederhana dilakukan dengan cara jual beli atau pertukaran barang dan perkhidmatan.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Indriyo Gitosudarmo, *Pengantar Perniagaan* (Yogyakarta:BPPE, 1999), 1.

⁴⁰ Peter Salim, *The contemporary English-Indonesia*(Jakarta: Moden English Press, 1991), 265.

⁴¹ Kamus Besar Bahasa Indonesia (Jakarta: Balai Pustaka, 1989), 121.

Secara terjemahan, terdapat beberapa pengertian mengenai perniagaan dalam kamur al-Munawir menjelaskan, perniagaan merupakan suatu kegiatan usaha individu yang berorganisasi untuk menghasilkan keuntungan dengan menjual barang dagangan atau menjual perkhidmatan untuk mendapatkan keuntungan dalam memenuhi keperluan masyarakat.⁴² Ada pendapat yang menyatakan bahawa perniagaan merupakan sejumlah keseluruhan usaha yang meliputi pertanian, produksi, pembangunan, pengedaran, pengangkutan, komunikasi, usaha tenaga dan pemerintahan yang bergerak dalam bidang yang menghasilkan dana, memasarkan barang dan perkhidmatan kepada pengguna. Menurut pengertian, perniagaan ini mencakupi tiga bahagian: *Pertama*, usaha perseorangan secara kecil-kecilan dalam bidang barang dan perkhidmatan. *Kedua*, usaha syarikat secara besar-besaran seperti perkilangan, pengangkutan, perusahaan media dan perhotelan. *Ketiga*, usaha dalam bidang penstrukturran ekonomi sesebuah bangsa.⁴³

Dengan demikian, perniagaan merupakan aktiviti yang cakupannya sangat luas. Ia meliputi aktiviti galian atau pertanian dari bumi, memproses bahan-bahan mentah, membuat pelbagai barang, mengedarkan barang, menyediakan perkhidmatan, menjual dan membeli barang perniagaan, ataupun aktiviti yang berkaitan dengan suatu pekerjaan yang bertujuan untuk memperolehi hasil⁴⁴ perniagaan juga merupakan rangkaian kegiatan yang terdiri daripada tukar-menukar, jual beli, pengeluaran, pemasaran, bekerja dan interaksi dengan manusia lain dengan maksud memperoleh keuntungan.⁴⁵

⁴² Ahmad Munawwir, *Kamus al-Munawwir, Arab Indonesia*, Edisi ke-2. Cet ke-14 (Jakarta: Pustaka Progresif, 1997), 124.

⁴³ Bukhari Alma, *Pengantar Perniagaan* (Bandung: Balai Pustaka, 1989), 121.

⁴⁴ Gunardi Endro, *Redefinisi Perniagaan: Suatu Penggalian Etika Keutamaan Aristoteles* (Jakarta: Pustaka Binaman Pressindo, 1999), 15.

⁴⁵ K. Berten, *Pengantar Etika Perniagaan* (Yogyakarta: Kanisius, 2002), 17.

Berdasarkan huraian pelbagai pengertian perniagaan di atas, memperlihatkan bahawa pada dasarnya manusia terlibat dalam kegiatan perniagaan yang berbagai-bagai. Sebanyak mana keperluan manusia, maka sebanyak itu pula jenis perniagaan yang ada. Hal ini disebabkan pada hakikatnya, perniagaan adalah usaha untuk memenuhi keperluan manusia dalam berorganisasi atau masyarakat luas⁴⁶ dalam berbagai variasinya, yang dalam kenyataannya dipermudahkan oleh medium pasaran.

Di dalam kategori perniagaan, ia dapat dibezakan kepada empat kategori: *Pertama*, perniagaan *esktraktif* (pengeluaran) iaitu perniagaan dalam sektor perlombongan. *Kedua*, perniagaan *agraris* iaitu perniagaan dalam sektor pertanian, dan termasuk juga penternakan, perkebunan, dan perhutanan. *Ketiga*, perniagaan industri iaitu perniagaan yang bergerak dalam bidang industri pengeluaran. Dan *keempat*, perniagaan dalam sektor perkhidmatan seperti pendidikan, perbankan, kesihatan dan pelancongan.⁴⁷

Dari aspek kegunaan dan manfaat pula, perniagaan boleh dikategorikan kepada empat jenis; iaitu: kegunaan bentuk, yang mengubah bahan mentah menjadi benda yang bermanfaat, kegunaan tempat, iaitu bidang pengangkutan, kegunaan waktu yang bergerak dalam bidang penyimpanan, dan kegunaan kepemilikan, iaitu yang bergerak dalam bidang perniagaan.⁴⁸ Pada jenis pemilikan, ia tidak boleh dilepaskan daripada keperluan manusia yang terdiri daripada keperluan fisiologi, keperluan rasa aman, keperluan sosial, keperluan harga diri dan keperluan peribadi.

⁴⁶ Gunardi Endro, *Redefinisi Perniagaan: Suatu Penggalian Etika Keutamaan Aristoteles* (Jakarta: Pustaka Binaman Pressindo, 1999), 2.

⁴⁷ Indriyo Gitosudarmo, *Pengantar Perniagaan*, (Yogyakarta:BPPE, 1999), 3- 4.

⁴⁸ *Ibid.*, 10.

Di samping perbezaan di atas, aspek motif juga dapat dibezakan, iaitu antara perniagaan bermotif keuntungan (*profit motive*) dan perniagaan yang tidak bermotif keuntungan (*non-profit motive*). Bagi perniagaan yang tidak bermotif keuntungan, walaupun ia bersifat kebajikan sosial seperti yayasan atau badan pendidikan, namun demikian, etika perniagaan tetap diperlukan.⁴⁹

Bagi perniagaan bermotifkan keuntungan, di mana keuntungan merupakan alasan logik dan bergantung atas risiko yang ditanggung oleh peniaga. Jika keuntungan itu dijadikan sebagai satu-satunya tujuan perniagaan, maka di sinilah akan muncul persoalan etika dalam perniagaan.⁵⁰ Walaupun demikian, harus diingat bahawa keuntungan dalam perniagaan tetap merupakan perkara yang dapat menjaga kelangsungan perniagaan itu sendiri. Keuntungan merupakan pembangkit atau pendorong agar bekerja dilakukan pada tahap maksima. Keuntungan yang dicapai juga merupakan ukuran standard perbandingan dengan perniagaan lainnya.⁵¹

Dari aspek aktiviti, perniagaan pada dasarnya secara sederhana dapat dilakukan oleh individu-individu tertentu. Namun, ketika manusia semakin menyedari akan keterbatasan dirinya serta besarnya manfaat kerjasama pada satu sisi dan semakin besarnya cabaran dunia perniagaan yang dihadapi, maka semakin banyak perniagaan yang hanya dapat dilakukan secara bersama antara individu-individu yang terkoordinasi dalam suatu organisasi. Pada peringkat inilah, muncul istilah pengurusan yang bertujuan menjalankan organisasi.

⁴⁹*Ibid.*, 3.

⁵⁰Gunardi Endro, *Redefinisi Perniagaan: Suatu Penggalian Etika Keutamaan Aristoteles* (Jakarta: Pustaka Binaman Pressindo, 1999), 17.

⁵¹Bukhari Alma, *Pengantar Bisnis* (Bandung: Alfabeta, 1997), 19.

Perniagaan wujud apabila manusia mengkhususkan dalam pengeluaran barang dan perkhidmatan yang mereka berkemahiran dan cekap. Perniagaan banyak memberi faedah kepada manusia kerana aktiviti-aktiviti perniagaan dapat memenuhi kehendak dan keperluan manusia dengan menyediakan berbagai-bagai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan sama ada di dalam negara ataupun diimport dari luar negara.

Selain itu, perniagaan juga menjanakan keuntungan yang menggalakkan manusia berkecimpung dan mengembangkan perniagaan pulangan kepada pemilik-pemilik yang sanggup menghadapi risiko daripada pelaburan wang dan masa mereka. Dengan yang demikian, mengetahui konsep perniagaan adalah hal yang penting yang harus dipelajari oleh semua peniaga Islam, sama ada mengenai sejarah perniagaan Islam, apa saja perniagaan yang dibolehkan dan yang dilarang, dan apa prinsip-prinsip perniagaan dalam Islam.

2.3.1 Sejarah Perniagaan Islam

Selepas kedatangan Islam, kecenderungan masyarakat Arab ke arah perniagaan ini tidak dihalang atau disekat oleh Islam, malah al-Quran memberi galakan yang kuat kepada umatnya untuk melibatkan diri dalam perniagaan. Kota Mekah sejak sebelum sejarah Islam lagi telah memainkan peranan aktif sebagai pusat perniagaan yang penting di Timur Tengah. Penduduk Mekah juga mengadakan perkongsian perniagaan sesama mereka melalui mekanisme *mudārabah* dan *mushārakah* antara golongan pelabur dengan golongan pengusaha perniagaan.⁵²

⁵²Muhammad Sa'id Ramadān al-Bawty, *Fiqh Sirah, Dirasat Manhājjiah Ilmiyyah Li Ṣiraṭil-Muṣṭafā 'Alayhi Ṣalatu wal-Salām* (Beirut: Dār al- Fikr, 1977), 211.

Melalui aktiviti ini, hampir kesemua penduduk Mekah termasuk yang miskin dan mempunyai modal yang sangat terhad dapat melibatkan diri dalam perniagaan yang dijalankan sama ada sebagai pelabur atau peniaga kecil. Selain menerima peniaga-peniaga luar yang datang bermula ke Mekah, penduduk Mekah juga menganjurkan rombongan perniagaan ke negara-negara jiran. Ini adalah bentuk perniagaan antarabangsa pada masa itu. Usaha menganjurkan rombongan perniagaan ke negara-negara jiran oleh penduduk Mekah sebelum Islam ini dirakamkan sendiri dalam al-Qur'an. Surah Quraisy ayat (1-3) menceritakan para peniaga Arab Mekah mengadakan rombongan perniagaan ke negeri Yaman pada musim sejuk dan ke Syam (Syria) pada musim panas.

لَا يَلْفِ قُرِيشٍ ۝ إِلَّا فِيمْ رِحْلَةِ الْشِّتَاءِ وَالصَّيفِ ۝ فَلَيَعْبُدُوا رَبَّ هَذَا الْبَيْتِ ۝

Maksudnya:" kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy penduduk Makkah, iaitu kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka menjalankan perniagaan pada musim sejuk ke negeri Yaman, dan pada musim panas ke negeri Syam, maka hendaklah mereka menyembah Tuhan yang Menguasai Rumah (Kaabah).

(Surah Quraish (106):1-3)

Pada zaman awal Islam, ramai para sahabat Rasulullah SAW yang telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Antaranya ialah Sayyidina Uthmān ibn Affān RA dan Sayyidina 'Abd al-Rahmān ibn 'Auf RA. Mereka berdua merupakan ahli perniagaan yang berjaya serta memperolehi keuntungan yang banyak. Di antara faktor utama mereka memperolehi kejayaan dan keuntungan yang banyak dalam perniagaan adalah kerana mereka berusaha gigih dan bermula mengikut etika perniagaan yang digariskan oleh Islam.⁵³

⁵³Ibid.

Sebahagian besar penduduk Arab adalah terdiri dari para peniaga. Demikian juga, para sahabat yang lain seperti Abū Bakar al-Šiddīq RA, Uthmān ibn Affān RA, Umar ibnu al-Khaṭṭāb RA, dan 'Abd al-Rahmān bin 'Auf RA adalah pedagang kain dan pedagang jagung yang disegani. Perdagangan adalah aktiviti yang sangat digalakkan Islam kerana ianya bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan, malah meningkatkan martabat ekonomi umat Islam di dunia antara bangsa.⁵⁴ Begitu pula, Nabi Muhammad SAW sangat menghargai orang yang aktif bekerja dan mempunyai semangat karya besar, sehingga Baginda mencium sahabatnya Sa'ad bin Mu'adh apabila nampak tangannya Sa'ad kasar kerana kerja keras.⁵⁵ Apabila melihat seseorang itu semangat bekerja, baginda memujinya. Sebaliknya, Islam malu kepada orang yang malas bekerja.

Abū Bakar al-Šiddīq pernah berusaha perdagangan pakaian, 'Abdul al-Rahmān ibn Āuf RA pernah bermiaga jagung, Uthmān dan Imām Abū Hanīfah juga bekerja dalam perniagaan kain pakaian. Mencari rezeki yang halal adalah *fardu 'ain* menurut Islam dan berusaha di dalam bidang ekonomi dan membuat barang-barang keperluan utama orang-orang Islam adalah *fardu kifayah*.⁵⁶ Bekerja dan berusaha adalah sesuatu yang dipandang mulia oleh Islam dan digalakkan, menceburkan diri dalam bidang keusahawanan adalah amal saleh yang besar pahalanya. Sebaik-baik makanan adalah yang dihasilkan daripada kerja dan usaha sendiri. Orang yang paling disayangi oleh Allah ialah orang yang banyak memberi manfaat kepada orang lain. Para usahawan adalah orang yang selalu berusaha untuk menghasilkan manfaat kepada masyarakat, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

⁵⁴ M. Shabri Abd. Majid dan Nasir Azis, "Ke Arah Integrasi Ekonomi: Strategi Untuk Menangani Kesan Globalisasi," *Jurnal Syariah*, Vol.15 (2007), 63-64.

⁵⁵ Muhammad Ismail Yusanto, *Menggagas Bisnis Islami*, Cet ke 6 (Jakarta: Gema Insani, 2006), 10.

⁵⁶ Adnan Alias, et. al, *Keusahawanan Islam* (Selangor: Prentice Hall, 2002), 3.

Dalam masyarakat Arab kuno, perniagaan adalah sebagai sumber penting penghasilan mereka. Hal ini ditunjukkan dengan banyak para kafilah yang yang merantau ke timur dan barat untuk membawa perniagaan mereka sambil menyebarkan ajaran Islam. Perniagaan umat Islam maju dengan perkembangan masyarakat Islam yang banyak menceburi dunia perniagaan. Daripada perniagaan yang dilakukan adalah perniagaan sutera dari negeri China ke Baghdad, dibawa pula ke Ḥalb dan Damsyik kemudian ke pelabuhan-pelabuhan di negeri Syam.⁵⁷

Kejayaan umat Islam dalam perniagaan disebabkan oleh peniaga yang meletakkan peraturan-peraturan yang unggul dalam urusan perniagaan dengan bersifat akhlak yang mulia kepada para pelanggan, menunaikan janji dan sifat-sifat lainnya. Peraturan-peraturan tersebut telah digariskan dalam al-Quran dan diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW untuk diamalkan dalam perniagaan yang sangat mulia.

2.3.2 Landasan Hukum Perniagaan

Ada beberapa landasan yang dapat dijadikan rujukan hukum perniagaan dalam Islam, seperti firman Allah yang berbunyi:

a. al-Quran

يَتَائِفُهَا الَّذِينَ لَا إِيمَانُهُمْ لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطِلِ إِلَّا أَنْ
تَكُونَ تَحْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ
رَّحِيمًا ﴿٢١﴾ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ عُدُوًّا وَظُلْمًا فَسَوْفَ نُصَلِّيهِ نَارًا وَكَانَ
ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرًا

⁵⁷Abdu al-Sami' al-Miṣrī, *Perniagaan Dalam Islam*, terj. Ahmad Haji Abdullah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), xvii.

Terjemahan: “Wahai orang-orang yang beriman! Jangan kamu memakan harta-harta saudaramu dengan cara yang batil, kecuali harta itu diperoleh dengan jalan niaga yang ada saling kerelaan dari antara kamu, dan jangan kamu membunuh diri-diri kamu, kerana sesungguhnya Allah maha pengasih kepadamu, dan sesiapa berbuat demikian dengan sikap permusuhan dan penganiayaan, maka kami akan masukkan dia ke dalam api neraka.

(Surah al-Nisā' (4): 29-30)

Ayat di atas menunjukkan bahawa perniagaan boleh dijalankan dengan dua syarat. *Pertama*, perniagaan itu perlu dilakukan atas kerelaan kedua-dua belah pihak. Tidak boleh bermanfaat untuk satu pihak dengan merugikan pihak yang lain. *Kedua*, tidak boleh saling merugikan sama ada untuk diri sendiri mahupun orang lain. Dengan demikian ayat ini memberikan pengertian bahawa setiap orang tidak boleh merugikan oranglain demi kepentingan diri sendiri (*vested interest*), seolah-olah dia menghisap darahnya dan membuka jalan kehancuran untuk diri sendiri. Misalnya mencuri, merasuh, berjudi, menipu, mengamalkan riba dan sebagainya.⁵⁸

Secara umum, terdapat juga beberapa ayat al-Quran yang secara khusus menyebutkan perkataan perniagaan (*tijārah*) atau jual beli (*al-bay'*) secara khusus. Di antaranya seperti firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الْرِبَاً إِلَى اللَّهِ

Terjemahan: *Dan Allah menghalalkan jual beli (*al-bay'*) dan mengharamkan riba”.*

(Surah al-Baqarah (2):275)

Allah SWT telah menjelaskan secara khusus bahawa jual beli atau perniagaan merupakan suatu aktiviti yang dihalalkan. Pernyataan al-Quran yang sangat jelas tentang kedudukan perniagaan ini dengan sendirinya menolak fahaman bahawa al-Quran merupakan sebuah kitab agama dalam pengertiannya yang sempit iaitu khusus

⁵⁸ Muhammad ‘Alī al-Šābūnī, Ṣafwatu al-Tafsīr al Qur’ān al-Karīm (Kaherah: Dār al-Šābūnī, t.t), 271.

kepada persoalan kepercayaan kepada yang ghaib dan persoalan ibadat sahaja. Bahkan lebih dari itu, al-Quran juga menjelaskan etika dalam perniagaan yang perlu diikuti oleh para peniaga.

Al-Quran secara tegas telah menganjurkan kepada orang-orang beriman agar menceburkan diri dalam perniagaan. Allah SWT menyebutkan dengan jelas:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا هَلْ أَدْلُكُمْ عَلَىٰ تَحْرِيرِ تُنْحِيْكُمْ مِنْ عَذَابِ أَلِيمٍ
تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ ذَلِكُمْ
خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman! mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya. Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan RasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan ugama Allah dengan harta benda dan diri kamu; Yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(Surah Ash Shaff (61):10-11)

Keutamaan dalam perniagaan adalah niat untuk mensyukuri nikmat Allah SWT. Allah SWT memberi tuntunan kepada kita dalam memutuskan pilihan terhadap perniagaan yang kita pilih di dunia ini. Dalam firmanNya menyatakan:

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبَتَّغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِنْ
عَرَقَتِ فَادْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَادْكُرُوهُ كَمَا هَدَنَّكُمْ وَإِنْ
كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الظَّالِمِينَ

Terjemahannya: "Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu dengan meneruskan perniagaan ketika mengerjakan haji kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang Arafah (menuju ke Muzdalifah maka sebutlah nama Allah dengan doa, "talbiah" dan tasbih di

tempat Masy'ar Al-Haraam di Muzdalifah, dan ingatlah kepada Allah dengan menyebutnya sebagaimana ia telah memberikan petunjuk hidayah kepadamu; dan sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya”.

(Surah al-Baqarah (2):198)

Dalam ayat yang lain, Allah menegaskan dengan bentuk anjuran kepada umat manusia untuk bersungguh sungguh dalam mencari reziki untuk memenuhi keperluan hidup. Allah berfirman:

فَإِذَا قُضِيَتِ الْأَصَلَوْةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَآذُكُرُوا
اللَّهُ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahannya: "Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing, dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak dalam segala keadaan, supaya kamu berjaya di dunia dan di Akhirat.

(Surah al Jumu'ah (62): 10)

Cara untuk mendapatkan harta atau kepunyaan orang lain adalah melalui usaha perniagaan yang dijalankan secara jujur dan amanah. Melalui perniagaan yang jujur ini, kedua-dua belah pihak akan berpuas hati dengan barang yang telah diperjualbelikan. Perniagaan dalam Islam adalah perniagaan yang beretika dan tidak akan menjaskan orang lain, bahkan semua pihak menerima manfaat dari perniagaan itu.

b. Hadis

1. Rasulullah SAW bersabda:

حدّثنا يحيى بن بکير: حدّثنا أللیث عن عقیل، عن ابن شهاب ، عن أبي عبید مولی عبد الرحمن بن عوف : أنه سمع أبا هریرة رضی الله عنه يقول:

قال رسول الله صلى الله عليه و سلم " لأن يخطب أحدكم حزمة علي ظهره خير من أن يسأل أحدا فيعطيه أو يمنعه".

Maksudnya: "Telah diceritakan kepada kami oleh Yahya bin Bakir, telah diceritakan kepada kami oleh al-Laith dari 'Aqil, dari Ibn Shihab, dari Ibn 'Ubayd Maula 'Abd al-Rahmān bin 'Auf. Bahwasanya telah mendengar Abu Hurairah R.A. telah berkata: Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya seseorang yang membawa tali, lalu dia memikul seberkas kayu api, lantas menjualnya dengan usaha itu, Allah menjaga dirinya adalah lebih baik daripada meminta-minta kepada orang, baik mereka yang dipinta itu memberi atau menghalangnya."

(Riwayat Bukhārī)⁵⁹

Hadis di atas menyatakan bahawa Rasulullah SAW sangat memuji kepada umat Islam yang rajin berusaha mencari rezeki dan kurnia Allah SWT untuk memenuhi keperluan bagi dirinya dan keluarganya. Sebaliknya, Rasulullah SAW sangat kurang suka melihat umat Islam yang malas berusaha mencari rezeki dan kurnia Allah SWT.

2. Rasulullah SAW bersabda lagi:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى أَخْبَرَنَا عِيسَى بْنُ يُونُسَ عَنْ ثُورٍ عَنْ خَالِدِ بْنِ مَعْدَانَ عَنْ
الْمِقْدَامِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا
قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاؤُدَ عَلَيْهِ السَّلَامَ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ
عَمَلِ يَدِهِ

⁵⁹ Al-Imām al-Hafiz Abī 'Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā'īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah bin Bardizbah al-Bukhārī, *Šahīh al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyū', Bāb al-Kasbi al-Rajul wa 'Amalih Biyadih, No.1932, (Kahera h: Dār al-Ḥadīs, t.t.), 237.

Maksudnya: “Telah diceritakan kepada kami oleh Ibrāhīm bin Mūsā: telah dikhabarkan kepadaku oleh ‘Isā bin Yūnus dari Thūr, dari Khālid bin Ma‘dān, dari al-Miqdām dari Nabi SAW bersabda: “Tidak ada makanan yang dimakan oleh seseorang yang lebih baik daripada hasil usaha tangannya sendiri, dan sesungguhnya Nabi Allah Dāwud, AS makan dari hasil usahanya sendiri”

(Riwayat Bukhārī)⁶⁰

Hadis ini menjelaskan bahawa Rasulullah SAW memberi motivasi kepada umat Islam agar rajin berusaha untuk mencari rezeki dan kurnia Allah baik dengan cara bermiaga, menjadi tukang batu, besi, petani dan sebagainya. Ini kerana sebaik-baik rezeki yang dimakan adalah hasil usahanya sendiri.

3. Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنِي أَبِي ثَنَاءُ أَسْوَدَ بْنُ عَامِرٍ قَالَ: ثَنَا شَرِيكُ عن وَائِلَ عَنْ جَمِيعِ بْنِ عَمِيرٍ عَنْ خَالِهِ قَالَ: سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَفْضَلِ الْكَسْبِ فَقَالَ: بَيْعٌ مَبْرُورٌ وَعَمَلٌ الرَّجُلِ بِيَدِهِ

Maksudnya: “Rasulullah pernah ditanya tentang usaha yang paling utama, beliau menjawab: “jual beli yang baik dan usaha seseorang dengan tangannya sendiri”

(Riwayat Ahmad bin Hanbal)⁶¹

Hadis ini memberikan motivasi bahawa makan daripada hasil pekerjaan sendiri adalah lebih baik daripada meminta-minta atau bergantung kepada orang lain. Kebanyakan nabi-nabi dan rasul-rasul mereka bekerja sendiri untuk mencari rezeki. dengan mengambil contoh, bahwasanya Nabi Daud as, adalah seorang Nabi, akan tetapi beliau makan dari hasil tangannya sendiri, dengan cara membuat pakaian (rompi/baju perang) dari besi dan diperjual belikan kepada kaumnya.⁶²

⁶⁰Ibid., hadīth No. 1930, 235.

⁶¹Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad*, bāb al-buyū’ No. 15276, Cet. Ke- 4 (Beirut: Dār Ihyā’ ʻal-Turath al-ʻArabi, t.t), 476.

⁶²Muṣṭafā Muḥammad Imārah, *al- Jawāhir al-Bukhāri*. (Beirut: Ṣarah an-Nūr, t.t), 233.

4 Rasulullah SAW bersabda:

حدثنا هدّاب بن خالدٍ. حدثنا حماد بن سلمة عن ثابت، عن أبي رافع، عن أبي هريرة رضي الله عنه يقول قال رسول الله صلى الله عليه وسلم قال كان زكريا بن حارا

Ertinya: "...Telah bercerita pada kita Haddab bin Khālid telah bercerita pada kita Khammad bin Salamah dari Thābit dari Abi Rāfi' dari Abu Hurairah ra. Sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: "Bahawa Nabi Zakariya as, adalah seorang tukang kayu"

(Riwayat Muslim)⁶³

Dalam hadits di atas memberi ketegasan bahawa pekerjaan apapun tidak dipandang rendah oleh Islam, hanya perlu ditekankan bahawa dalam berusaha harus memperhatikan prosesnya yang terkait dengan halal dan haram.

4 Definisi Perniagaan

Seiring dengan perkembangan perniagaan dalam Islam, para ulama juga memberikan definisi dan pengertian perniagaan. Adapun pengertian perniagaan mengikut perspektif ulama adalah:

Al-Sayyid Sābiq mendefinisikan atau menyatakan bahawa perniagaan adalah pertukaran barang dengan barang atau harta dengan harta atau harta dengan barang atas dasar persetujuan dua belah pihak (penjual dan pembeli) atau pertukaran hak milik dengan gantian (bayaran atau *mubadalah*) mengikut peraturan syarak. Imām al-Sharbini menyatakan bahawa perniagaan ialah pertukaran dalam bentuk wang dengan barang

⁶³ Muslim bin Hajjāj al-Qushayrī, *Sahīh Muslim*, Bāb Fi Fazāil Zakaria ‘Ansari, No 4384 (Kaherah : Dār al-Ḥadīs), 87.

atau barang dengan barang yang bertujuan mendapatkan keuntungan. Imām al-Rāzi pula menjelaskan bahawa perniagaan sebagai satu transaksi barang-barang yang wujud atau belum wujud atau tidak wujud.⁶⁴

Oleh yang demikian, sesuatu perniagaan itu mestilah mempunyai unsur-unsur pertukaran barang dengan barang atau barang dengan perkhidmatan atau barang dengan wang. Perniagaan juga dilakukan untuk mendapat keuntungan tanpa menindas orang lain dengan wujudnya persetujuan antara penjual dan pembeli. Perkara yang paling penting dalam perniagaan adalah dilakukan dengan cara yang sah dan mendapat pengiktirafan di sisi syarak. Jadi, hukum perniagaan menurut para ulama adalah boleh.

2.3.3 Prinsip-prinsip Perniagaan dalam Islam

Tujuan utama amalan perniagaan dalam Islam adalah untuk memperoleh harta dan menggunakan atau membelanjakannya. Harta seharusnya mempunyai fungsi sosial, iaitu harta yang dimiliki seseorang juga boleh dimiliki oleh orang lain, sama ada melalui pembayaran zakat mahupun sedekah. Pembangunan harta tidak akan wujud kecuali melalui interaksi antara sesama mereka dalam pelbagai bentuk. Inilah maknanya kenapa pada ayat yang berkaitan dengan harta menggunakan perkataan *baynakum*.⁶⁵

2.3.3.1 Kesatuan (*unity*)

Kesatuan bermaksud penyatuan sebagaimana refleksi dalam konsep tauhid yang menggabungkan keseluruhan aspek-aspek kehidupan Muslim, baik dalam bidang

⁶⁴ Al-Sayyid Sābiq, *Al-Fiqh al-Sunnah*, Jilid 3 (Kaherah: Dār al-Fath al-‘Alam al-Arabi, 1994), 147. Muḥammad al-Sharbīnī al-Khaṭīb, *Mughnī al-Muhtāj Ilā Ma’rifati al-Fād al-Minhaj*, jilid 4. (Kaherah: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalabī, 1958), 208.

⁶⁵ Qurais Shihab, *Tafsir al-Mishbah, Pesan, Kesan dan Keserasian Al-Qur'an* (Jakarta: Lentera Hati, 2000), 386-387.

ekonomi, politik dan sosial, yang menjadi suatu atau keseluruhan homogen, serta mementingkan konsep konsistensi dan aturan yang menyeluruh. Tauhid merupakan konsep serba ekslusif dan serba inklusif. Pada peringkat mutlak, ia membezakan Pencipta dengan makhluk, memerlukan penyerahan tanpa syarat kepada kehendak-Nya, tetapi pada kewujudan manusia memberikan suatu prinsip perpaduan yang kuat sebab seluruh umat manusia disatukan dalam ketaatan kepada Allah SWT semata-mata.⁶⁶

Atas dasar pandangan konsep tersebut, maka etika dan ekonomi atau etika dan perniagaan menjadi bersepada, menegak mahupun melintang, membentuk suatu persamaan yang sangat penting dalam sistem Islam yang homogen yang tidak mengenal kecelaruan dan terputus.

Berdasarkan prinsip kesatuan, peniaga Muslim dalam melakukan aktiviti mahupun entiti perniagaan tidak akan melakukan, paling tidak tiga perkara: *Pertama*, diskriminasi di antara pekerja, penjual, pembeli dan rakan sekerja atas dasar pertimbangan bangsa, warna kulit, jantina atau agama (Surah al-Ḥujurāt (49): 13). *Kedua*, terpaksa atau dipaksa melakukan amalan-amalan perniagaan, hanya kerana Allah SWT-lah yang semestinya ditakuti dan dicintai. (Surah al-An'ām (6): 163). *Ketiga*, menimbun kekayaan atau nafsu serakah, kerana hakikatnya kekayaan merupakan amanah Allah SWT. (Surah al-Kahfi (18): 46).⁶⁷

2.3.3.2 Keseimbangan atau Keadilan

Keseimbangan atau keadilan menggambarkan dimensi horizontal ajaran Islam yang berkaitan dengan keseluruhan keharmonian pada alam semesta. Sifat

⁶⁶Lukman Fauroni, “Rekonstruksi Etika Perniagaan, Perspektif Al-Qur’ān”, IQTISAD *Journal of Islamic Economics*, vol. 4, No.1 (Muharram 1424 H/March), 91-106.

⁶⁷Ibid.

keseimbangan atau keadilan bukan hanya sekadar ciri-ciri semulajadi, tetapi merupakan ciri-ciri dinamik yang harus diperjuwangkan oleh setiap Muslim dalam kehidupannya. Keperluan akan sikap keseimbangan atau keadilan ini ditekankan oleh Allah SWT dengan menyebut umat Islam sebagai ummat yang satu. Dengan demikian, keseimbangan, kebersamaan dan kesederhanaan merupakan asas prinsip-prinsip beretika yang perlu diterapkan dalam aktiviti mahupun entiti perniagaan, misalnya dijelaskan dalam surah al-Baqarah (2): 195, al-Furqān (25): 67-68, 72-73, dan al-Isrā' (17): 35.⁶⁸

Dalam surah al-Baqarah dijelaskan bahawa perbelanjaan harta benda (pelaburan harta benda) perlu dilakukan dalam kebaikan dan tidak pada sesuatu yang boleh membinasakan diri. Kemudian, harus menyempurnakan sukanan dan timbangan dengan timbangan yang benar (Al-Isrā' 17: 35.)

2.3.4 Perniagaan Yang Dibolehkan dan Dilarang oleh Syarak

Perniagaan daripada pandangan Islam mestilah berlandaskan kepada beberapa prinsip. Prinsip-prinsip tersebut ialah kebebasan, urusan tanpa riba, adil, layanan baik, bersama melindungi hak penjual dan pembeli, jujur dan amanah, serta rajin dan tekun. Pada zaman Rasulullah SAW, terdapat sembilan jenis perniagaan yang dilarang. Perniagaan-perniagaan tersebut ialah perniagaan berasaskan sistem riba, menjual tanaman yang baru tumbuh, menjual buah-buahan yang masih putik, menjual anak binatang dalam kandungan, menjual tamar muda yang dicampur dengan tamar masak, membeli barang dalam pemindahan kerana penjual belum mengetahui harga pasaran,

⁶⁸Ibid.

mendesak pembeli membatalkan pembelian setelah dipersetujui untuk menjual dan pembelian di luar kehendak.⁶⁹

Prinsip perniagaan mesti halal dan bukan berniaga barang-barang yang diharamkan oleh Islam. Islam memerintahkan penganutnya untuk melaksanakan perkara-perkara baik dan mengelakkan perkara-perkara yang dibenci Allah SWT. Dalam perniagaan tidak dibenarkan berjual beli atau melakukan tindakan haram. Umpamanya Islam melarang menjual minuman keras, najis, alat-alat perjudian dan lain-lain. Sehubungan dengan itu, melabur dalam syarikat-syarikat yang mencampur adukkan barang yang halal dengan yang haram juga tidak dibenarkan oleh Islam.

Pelaburan tidak halal yang dilakukan oleh suatu syarikat bererti melakukan tolong-menolong dalam melanggar undang-undang Allah SWT, sedangkan Allah SWT memerintahkan hamba-Nya untuk melakukan tolong-menolong dalam kebajikan.⁷⁰ Sebagaiman firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا لَا تُحْلِوْ شَعْبَرَ اللَّهِ وَلَا الشَّهْرَ الْحَرَامَ وَلَا أَهْمَدَى وَلَا
الْقَلَيْدَ وَلَا إِيمَنَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّن رَّبِّهِمْ وَرِضْوَانًا وَإِذَا
حَلَّتُمْ فَاصْطَادُوا وَلَا تَجْرِمَنَّكُمْ شَنَائُ قَوْمٍ أَنْ صَدُوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ
الْحَرَامِ أَنْ تَعْتَدُوا وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَى وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعُدُوانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ingat halal membuat sesuka hati mengenai syiar-syiar ugama Allah, dan mengenai bulan-bulan yang dihormati, dan mengenai binatang-binatang yang dihadiahkan ke Makkah untuk korban), dan mengenai kalong-kalong

⁶⁹Wahbah al-Zuhayli, *Al-fiqh al-Islamī wa ‘Adillatuh*, jilid.5 (Beirut: Dār al-Fikr, 2005), 3496-3497.

⁷⁰Ridwan Nurdin, *Konsep Akad Dalam Perbankan Syariah* (Jakarta: Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, 2007), 64.

binatang hadiah itu, dan mengenai orang-orang yang menuju ke Baitullah al-Haraam, yang bertujuan mencari limpah kurnia dari Tuhan mereka dengan jalan perniagaan dan mencari keredaanNya dengan mengerjakan ibadat Haji di tanah suci dan apabila kamu telah selesai dari ihram maka bolehlah kamu berburu. dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjid al-Haraam itu - mendorong kamu menceroboh. dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah maha berat azab seksaNya bagi sesiapa yang melanggar perintahNya.

(Surah al-Māidah (5): 2)

Dari ayat tersebut di atas dapat difahami bahawa Islam menggalakkan setiap aktiviti manusia untuk saling tolong menolong, sama ada dalam kehidupan bermasyarakat, mahupun dalam aktiviti perniagaan.

2.4 Konsep Etika Perniagaan dalam Islam

Konsep perniagaan dalam Islam amat luas, tidak hanya terbatas kepada pencapaian material sahaja, tetapi juga merupakan ibadah fardhu kifayah yang dituntut oleh Allah SWT. Dalam melakukan ibadah ini, manusia jangan melakukan perbuatan yang mencemari kesuciannya. Jadi mereka harus melakukannya dalam batas-batas yang telah ditetapkan oleh Islam.⁷¹ Rasulullah SAW telah meletakkan dasar-dasar moral, pengurusan dan teras kerja mendahului zamannya dalam menjalankan perniagaan.

Dasar-dasar etika dan pengurusan perniagaan tersebut telah mendapat pengiktirafan keagamaan setelah baginda dilantik menjadi Nabi. Prinsip-prinsip etika perniagaan yang diwariskan semakin mendapat pengiktirafan ahli-ahli akademik di penghujung abad ke-20 atau awal abad ke-21. Prinsip perniagaan moden seperti tujuan

⁷¹Choirul Fuad Yusuf, "Etika Perniagaan Islam: Sebuah Perspektif Lingkungan Global", *Jurnal Ulumul al-Qur'an*, No.3/VII, (1997),10-13

pelanggan, perkhidmatan yang baik, kelayakan, kecekapan dan ketelusan, semuanya telah menjadi gambaran peribadi dan etika perniagaan Rasulullah SAW ketika baginda masih muda.⁷²

Berniaga bukan semata-mata mencari keuntungan, kerana di dalam perniagaan tidak semestinya sentiasa mendapat keuntungan. Dalam perniagaan juga sering menghadapi kerugian. Tujuan perniagaan mengikut Islam sebenarnya ialah untuk memperbesarkan, memanjangkan dan memperluaskan aktiviti syariat dan dengan tujuan beribadah dan mendapat pahala yang banyak. Justeru di dalam perniagaan, kita hendaklah sentiasa mencari keredhaan Allah SWT dengan niat dan pelaksanaan yang betul.

Rasulullah SAW merupakan teladan yang patut dijadikan contoh. Kejayaan baginda dalam membangunkan ekonomi umat Islam telah terbukti. Hanya dalam tempoh setahun setelah berhijrah ke Madinah, baginda berjaya membangunkan ekonomi yang sangat kuat, yang mana umat Islam berjaya menguasai ekonomi yang selama ini dikuasai oleh orang-orang Yahudi dan bangsa lain. Ini kerana Rasulullah SAW bermula dengan menggunakan nilai-nilai etika yang terdapat dalam al-Quran dengan mengutamakan nilai-nilai *mu'amalah* atau kemaslahatan umat.

Dalam al-Quran, Allah SWT menjelaskan:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا آتَيْنَا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ
اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١﴾

⁷²Afzalur Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam* (Yogyakarta: PT. Dana Bhakti Wakaf, 1995), 38.

Terjemahan: “*Wahai orang-orang yang beriman! apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi ke masjid untuk mengingati Allah dengan mengerjakan sembahyang jumaat dan tinggalkanlah berjual-beli pada saat itu; yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui hakikat yang sebenarnya,*
(Surah al-Jumu’ah (62): 9)

Ayat di atas memberi pengertian agar berniaga (mencari kelebihan pemberian Allah SWT) dilakukan setelah menunaikan solat dandalam pengertian yang tidak dikesampingkan dan tujuan keuntungan yang hakiki, iaitu keuntungan yang dijanjikan Allah SWT. Kerana itu, walaupun mendorong melakukan kerja keras atau berniaga, al-Quran menggariskan bahawa dorongan yang seharusnya lebih besar adalah memperoleh apa yang berada di sisi Allah SWT. Atas dasar ini, maka pandangan orang yang bekerja dan berniaga harus melampaui masa kini dan masa depannya. Dengan demikian, visi masa hadapan dalam perniagaan merupakan etika pertama dan utama yang digariskan oleh al-Quran, sehingga para peniaga tidak sekadar mengejar keuntungan sementara yang akan segera habis tetapi selalu berorientasikan masa hadapan.⁷³

Muṣṭafā al-Marāghi menegaskan tentang penggunaan transaksi yang menguntungkan dan perniagaan yang bermanfaat, yang dengannya peniaga akan mendapatkan keuntungan besarkan kejayaan yang berkekalan. Perniagaan yang dimaksudkan adalah tetap dalam keimanan, keikhlasan beramal kepada Allah SWT dan berjihad dengan jiwa dan harta dalam menyebarkan agama dan meninggikan kalimah-Nya. Iman dan jihad adalah lebih baik daripada seluruh urusan didunia apabila memahami dan mengetahui tujuan dan kesannya. Segala urusan akan menjadi berharga kerana tujuan dan akibatnya.⁷⁴

⁷³Muhammad Qurais Shihab, “Etika Perniagaan dalam Wawasan Al-Qur'an”, *Jurnal Ulumul Qur'an*, No.3 (1997), 194-199.

⁷⁴ Muṣṭafā al-Marāghi, *Tafsīr Al-Marāghi*, Terjemahan Bahrum, et al. (Semarang: Toha Putra, 1998),145-146.

2.4.1 Definisi Etika Perniagaan Islam

Etika perniagaan merupakan sesuatu yang relatif. Setiap masyarakat mempunyai pandangan yang berbeza mengenai nilai yang ditimbulkan daripada etika perniagaan. Walaupun pandangan masyarakat berbeza terhadap nilai baik buruk dalam etika perniagaan, para pemikir-pemikir teori perniagaan telah memberikan definisi-definisi yang mengikut kepada asas utama etika itu sendiri.

Wan Sabri Wan Hussin telah menghuraikan takrif mengenai etika perniagaan Islam, bahawa definisi etika perniagaan Islam tidak terlepas daripada konsep syarak. Perniagaan adalah dianggap sebagai suatu proses apabila perniagaan itu berfungsi melalui pertukaran harta dengan harta di atas persetujuan penjual dan pembeli mengikut cara-cara yang diizinkan oleh syarak.⁷⁵

Sabri Haji Hussin pula memberikan maksud etika perniagaan ialah penglibatan sesebuah organisasi didalam pengeluaran (operasi) dan jualan produk yang dikehendaki pengguna dengan bermatlamatkan keuntungan dengan merangkumi cara hidup yang bercirikan Islam dalam menjalani kehidupan sebagai seorang ahli perniagaan.⁷⁶

Dari pada definisi di atas, penulis menyimpulkan bahawa etika perniagaan Islam adalah sesuatu amalan pengeluaran barang atau pertukaran harta dengan harta dengan matlamat ingin mendapatkan keuntungan dan cara mendapatkan keuntungan dengan mengamalkan cara hidup Islam dan berpedoman kepada hukum syarak. Jadi, Etika perniagaan Islam tidak terlepas daripada mengamalkan nilai-nilai yang dianjurkan oleh

⁷⁵Wan Sabri Wan Hussin, *Etika Dan Amalan Perniagaan* (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2004), 132.

⁷⁶ Wan Sabri Wan Hussin, *Etika dan Falsafah Pemikiran Barat* (Selangor: ALJ Publications, 2001), 109-113.

syarak dalam setiap perniagaan yang dilakukankannya, sehingga, keuntungan atau harta yang diperolehi daripada perniagaan mendapat berkah daripada Allah SWT.

2.4.2 Prinsip-Prinsip Etika Perniagaan dalam Islam

Pembahasan mengenai prinsip Islam dalam dunia usaha tentunya sangatlah panjang, tetapi dalam bahasan singkat ini kita boleh mendapat gambaran tentang garis besar tentang prinsip-prinsip moral yang harus dipegang teguh oleh seorang peniaga Muslim.

Adapun prinsip-prinsip etika perniagaan dalam Islam sebagaimana dihuraikan oleh Muhammad Djakfar iaitu:⁷⁷

1 . Niat yang Ikhlas

Keikhlasan adalah perkara yang amat menentukan. Dengan niat yang ikhlas, semua bentuk pekerjaan yang berbentuk kebiasaan boleh bernilai ibadah. Dengan kata lain aktiviti usaha yang kita lakukan bukan semata-mata urusan harta dan perut tapi berkaitrapat dengan urusan akhirat. Allah telah menegaskan bahawa hakikat tujuan manusia diciptakan di muka bumi adalah untuk beribadah kepadaNya, firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥١﴾

Terjemahannya: *Dan ingatlah Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku.*

(Surah Al-Dhāriyāt (51): 56)

⁷⁷Muhammad Djakfar, *Etika Bisnis Islam* (Malang: Malang Press, 2008) h. 32-45.

Daripada ayat di atas dapat difahami bahawa semua aktiviti kita di dunia tidak lepas dari tujuan itu pula.⁷⁸ Contoh niat yang ikhlas dalam usaha boleh berlaku dalam lingkup peribadi mahupun sosial. Dalam lingkup peribadi misalnya meniatkan usaha yang halal untuk menjaga diri dari memakan harta dengan cara haram, memelihara diri dari sikap meminta-minta, untuk menyokong kesempurnaan ibadah kepada Allah, menjaga silaturrahim dan hubungan kerabat dan motivasi positif lainnya dalam lingkup sosial, misalnya meniatkan diri mencari harta untuk ikut ambil bahagian dalam memenuhi keperluan masyarakat muslim, membuka peluang kerja yang halal bagi orang lain, membebaskan umat dari pergantungan terhadap produk "orang lain" , dan motif sosial lain. Niat yang harus dimiliki oleh peniaga seperti untuk menafkahkan keluarga, memenuhi keperluan harian masyarakat dan sebagainya. Niat seperti disebutkan akan mendapatkan pahala dari suatu perbuatan boleh bertambah berkali-kali ganda jika didasari dengan niat yang ikhlas.

2 . Akhlak yang Mulia

Menjaga sikap dan tingkah laku dalam menjalankan perniagaan adalah prinsip penting bagi seorang peniaga muslim. Ini kerana Islam sangat menekankan perilaku (aklhak) yang baik dalam setiap kesempatan, termasuk dalam menjalankan perniagaan. Akhlak mulia dalam menjalankan perniagaan ditekankan oleh Rasulullah dalam sabdanya:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ سِنَانٍ حَدَّثَنَا كَثِيرُ بْنُ هِشَامٍ حَدَّثَنَا كُلُّثُومُ بْنُ جَوْشَنِ الْقُشَيْرِيُّ عَنْ أَبْيَوبَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ أَبْنِ عُمَرَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ التَّاجِرُ الْأَمِينُ الصَّادُوقُ الْمُسْلِمُ مَعَ الشُّهَدَاءِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

⁷⁸Ibid.,

Maksudnya: "Seorang pedagang yang jujur lagi dapat dipercaya akan dikumpulkan bersama para nabi, para shiddiq dan orang-orang yang mati syahid pada hari kiamat".

(Riwayat Ibn Mājah)⁷⁹

Di antara akhlak mulia dalam menjalankan perniagaan adalah jujur dan menepati janji.⁸⁰ Sesuai dengan hadis di atas dalam aktiviti perniagaan sangat diutamakan kejujuran di samping dijanjikan bagi peniaga yang jujur tempat yang mulia nanti.

3. Usaha yang halal

Seorang peniaga muslim tentunya tidak mahu jika darah dagingnya tumbuh dari barang haram, ia pun tak ingin memberi makan keluarganya dari sumber yang haram, kerana akan sungguh berat akibatnya di akhirat nanti. Dengan begitu, ia akan selalu berhati-hati dan berusaha sebatas yang dibolehkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

4. Menunaikan Hak

Seorang peniaga muslim selayaknya bersegera dalam menunaikan haknya, seperti hak pekerja dalam mendapat gaji, tidak menunda pembayaran tanggungan atau hutang, dan yang terpenting adalah hak Allah dalam soal harta seperti membayar zakat yang wajib. Juga hak-hak orang lain dalam perjanjian yang telah dipersetujui.

5. Tidak memakan harta orang lain dengan cara batil

Tidak halal bagi seorang muslim untuk mengambil harta orang lain secara tidak sah. Allah dengan tegas telah melarang hal ini dalam kitabNya. Ini meliputi segala kegiatan yang dapat menimbulkan kerugian bagi orang lain, baik dengan cara riba, judi, menyembunyikan cacat barang atau produk, menimbun, rasuah, bersumpah palsu, dan

⁷⁹ Muḥammad bin Yazīd al-Qazwainī, *Sunan Ibnu Mājah*, Kitāb al-Tijārah, Bāb Hass ‘Alā al-Makāsib, No 2130, Cet.-2 (Riyāzः: Maktabah al Ma’ārif 1429 H),356.

⁸⁰ Muhammad Djakfar, *Etika Bisnis Islam* (Malang: Malang Press, 2008),47.

sebagainya. Orang yang memakan harta orang lain dengan cara tidak sah bererti telah berbuat zalim terhadap orang lain. Allah berfirman:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا
فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ



Terjemahannya: “*Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya.*

(Surah al-Baqarah (2): 188)

6. *Tidak membahayakan / merugikan orang lain*

Rasulullah telah memberikan kaedah penting dalam mencegah hal-hal yang membahayakan. Termasuk kategori membahayakan orang lain adalah menjual barang yang mengancam kesihatan orang lain seperti ubat-ubatan terlarang, narkotik, makanan yang tamat tempoh. Atau melakukan perkara yang membahayakan pesaingnya dan berkemungkinan menghancurkan usaha pesaingnya, seperti memburuk-burukkan pesaing, monopoli, menawar barang yang masih dalam proses tawar-menawar oleh orang lain. Seorang peniaga muslim hendaknya bersikap adil dalam bersaing, dan tidak melakukan usaha yang mengundang bahaya bagi dirinya mahupun orang lain.

7. *Mencintai orang yang beriman*

Perniaga muslim merupakan sebahagian daripada umat Islam. Oleh kerana itu, ia harus melakukan hal-hal yang membantu kukuhnya masyarakat Islam dalam pelbagai aspek, termasuk di peringkat antarabangsa, serantau mahupun tempatan, seperti membantu membiayai pendidikan anak-anak yang cemerlang dalam bentuk biasiswa

atau zakat. Peniaga muslim tidak sepatutnya bekerjasama dengan pihak-pihak yang nyata menampakkan permusuhan terhadap umat Islam. Ini merupakan sebahagian daripada prinsip *al-Walā'* (setia) dan *al-Barrā'* (berlepas diri) yang merupakan sebahagian dari aqidah Islam. Sehingga ketika melaksanakan usahanya, seorang muslim tetap akan mengutamakan kemaslahatan bagi kaum muslimin di manapun ia berada.

Firman Allah SWT:

لَا يَتَّخِذُ الْمُؤْمِنُونَ أَوْلَيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَفْعَلْ
ذَلِكَ فَلَيْسَ مِنَ اللَّهِ فِي شَيْءٍ إِلَّا أَن تَتَقْوَى مِنْهُمْ تُقْنَةً وَيُحَذِّرُكُمْ
اللَّهُ نَفْسَهُ وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ

Terjemahannya: “ *Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. dan sesiapa yang melakukan larangan yang demikian maka tiadalah ia mendapat perlindungan dari Allah dalam sesuatu apapun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka yang kafir itu. dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan dirinya menyeksa kamu. Dan kepada Allah jualah tempat kembali”.* ”

(Surah Ali Imrān (3): 28)

8. Mempelajari hukum dan adab mu'amalah Islam

Dunia perniagaan yang merupakan interaksi antara pelbagai jenis manusia, sangat berpotensi menjerumuskan para pelakunya ke dalam hal-hal yang diharamkan. Baik kerana didesak oleh keperluan perut, diajak bersubahat dengan orang lain secara tidak sah atau kerana ketatnya persaingan yang membuat dia melakukan hal-hal yang terlarang dalam agama. Kerana itulah seorang Muslim yang hendak terjun di dunia ini harus memahami hukum-hukum dan peraturan Islam yang mengatur tentang mu'amalah. Sehingga ia boleh menyelesaikan yang halal dari yang haram, atau mengambil keputusan pada hal-hal yang tampak samar (syubhat).

2.4.2.1. Aspek-Aspek Etika Perniagaan Islam

Etika perniagaan Islam merupakan aktiviti yang mesti dimiliki oleh setiap peniaga muslim. Etika perniagaan Islam pula bukan hanya amalan peribadi dalam aktiviti perniagaan yang dilakukan, melainkan juga berhubungan dengan semua aspek kehidupan. Aspek-aspek yang berkaitan dengan etika perniagaan meliputi etika dengan Allah, pelanggan, pekerja, pembekal dan semua pihak yang berhubungkait dengan aktiviti perniagaan tersebut. Berikut penulis huraikan aspek hubungan perniagaan dengan persekitaran.⁸¹

2.4.2.2. Aktiviti Perniagaan

Menurut Rafik Issa Bekun, sekurang-kurangnya ada dua aktiviti perniagaan secara umum, iaitu: perniagaan di bidang pertanian dan perniagaan di bidang industri dan profesional. Jenis aktiviti perniagaan yang boleh dijalankan adalah seperti berikut:⁸²

i) Pembarangan (Merchandising)

Firma yang terlibat dalam aktiviti pembarangan boleh menjadi sama ada pemborong atau peruncit. Perniagaan ini membeli barang niaga yang kemudiannya dijual semula kepada pemborong lain, peruncit atau pengguna akhir.

⁸¹Rafik Issa Beekun, *Islamic Business Ethics* (Herndon, Virginia: The international Institute of Islamic Thought, 1997),31.

⁸²*Ibid*, 33.

ii) Pengilangan (Manufacturing)

Firma pengilangan menukar bahan mentah menjadi barang siap. Contoh firma pengilangan ialah perniagaan yang mengeluarkan bahan kimia, firma yang mengeluarkan kereta dan sebagainya.

iii) Perkhidmatan (Services)

Perniagaan ini memberikan perkhidmatan tertentu kepada pelanggannya. Contoh firma perkhidmatan termasuklah restoran, perhotelan, perkhidmatan pencucian dan perkhidmatan pengangkutan.

Adapun jenis perniagaan yang menjadi sampel kajian ini adalah jenis pembarangan, iaitu peniaga yang menjadi pemborong atau peruncit di bidang pakaian, kecantikan atau kosmetik, barang harian, buah-buahan, dan kedai makanan.

2.4.2.3. Hubungan dengan Pelanggan

Pelanggan merupakan aspek yang sangat penting dalam perniagaan. Oleh kerana itu, peniaga harus berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan, sehingga pelanggan merasa telah berurus niaga secara Islam dan keperluan pelanggan dapat dipenuhi.

Kepuasan pelanggan menurut Richard Gerson adalah “persepsi pelanggan bahawa harapannya telah terpenuhi atau terlampau”.⁸³ Sedangkan menurut Kotler dan Armstrong mengungkapkan bahawa kepuasan pelanggan adalah “Tingkatan di mana

⁸³Richard Gerson, *Measuring Customer Satisfaction* (Canada: Crisp Publications, 1993), 5.

meyakinkan anggapan produk sesuai dengan kemahuan pembeli”.⁸⁴ Berdasarkan kedua teori di atas, maka kepuasan pelanggan terletak pada kedatangan pelanggan terhadap suatu produk. Pelanggan akan merasa puas jika produk yang mereka beli sesuai dengan yang pelanggan inginkan akan produk tersebut.

Kedua, teori tersebut menunjukkan bahawa kepuasan pelanggan boleh dilihat dari pengalaman pelanggan terhadap suatu produk. Pengalaman ini tentu pengalaman yang menyenangkan dan memberikan kepuasan yang boleh dirasakan oleh pelanggan. Oleh kerana demikian, kepuasan pelanggan merupakan hal yang terpenting yang harus dijaga oleh peniaga dengan memberikan perkhidmatan yang baik dan tidak melanggar etika perniagaan Islam.

Dalam al-Quran, prinsip kebenaran dan kejujuran yang mengandungi kebajikan dan kejujuran dapat diambil daripada penegasan keharusan menunaikan atau memenuhi perjanjian atau transaksi perniagaan. Dalam konteks perjanjian, al-Quran menegaskan perjanjian manusia kepada Allah SWT, mahupun perjanjian antara sesama manusia. Memenuhi perjanjian kepada Allah SWT misalnya, digambarkan dalam surah al-Baqarah (2): 40, al-An'ām (6): 152, al-Nahl (16): 91. Adapun memenuhi perjanjian antara sesama manusia, digambarkan oleh al-Quran dalam surah al-Māidah (5): 1, al-An'ām (6): 152, al-A'rāf (7): 85, Hūd (11): 85 , al-Isrā' (17): 35, al-Shūrā' (36): 181-183.⁸⁵

Daripada sikap kebenaran, kebajikan (kesukarelaan) dan kejujuran, maka suatu perniagaan, secara automatik akan melahirkan tali persaudaraan dan perkongsian yang saling menguntungkan, tanpa adanya kerugian dan penyesalan serta kesalahan.

⁸⁴Phillip Kotler dan Gary Armstrong, *Principles of Marketing*, Edisi 15 (London: Pearson, 2013), 17.

⁸⁵Ibid.

Pembahagian prinsip kebenaran dengan dua makna kebijakan dan kejujuran secara jelas telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW yang juga merupakan ahli perniagaan yang berjaya.

Dalam menjalankan perniagaan, Baginda tidak pernah melakukan pembohongan, penipuan atau menyembunyikan kecacatan sesuatu barang. Sebaliknya perniagaan yang dilakukannya adalah berdasarkan kebenaran dan kejujuran, hal ini berdasarkan sabda Nabi SAW:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ بَشَّارٍ حَدَّثَنَا وَهُبْ بْنُ جَرِيرٍ حَدَّثَنَا أَبِي سَمِعَتْ يَحْيَى بْنَ أَبْيَوْبَ
 يُحَدِّثُ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ شُمَاسَةَ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ
 سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَحِلُّ لِمُسْلِمٍ
 بَاعَ مِنْ أَخِيهِ بَيْعًا فِيهِ عَيْبٌ إِلَّا بَيْنَهُ لَهُ

Maksudnya: "Muslim merupakan saudara bagi setiap muslim yang lain, tidak dibenarkan seorang muslim menjual kepada saudaranya suatu barang yang terdapat aib kecuali dia menjelaskan aibnya".

(Riwayat Ibn Mājah)⁸⁶

Peniaga harus selalu mengutamakan kejujuran terhadap pelanggan sama ada berkaitan dengan kualiti dan kuantiti mahupun harga. Dalam al-Quran dijelaskan:

﴿أَوْفُوا الْكَيْلَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُخْسِرِينَ ﴾
 وَرِزْقُكُمْ بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ

 ﴿وَلَا تَبْخُسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْثُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ﴾

Terjemahan:" Hendaklah kamu menyempurnakan sukatan cupak-gantang, dan janganlah kamu menjadi golongan yang merugikan orang lain. Dan timbanglah dengan timbangan yang betul timbangannya. Dan janganlah kamu mengurangi hak-hak orang ramai, dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di bumi.

(Surah al-Shūra' (26): 181-183)

⁸⁶ Muhammad bin Yazid al-Qazawayni, *Sunan Ibnu Majah*, Kitab Tijarah, Bab Buyu' Jilid 7 , No 2237 (Riyaz::Maktabah al Ma'arif 1429 H) ,7.

Peniaga dalam melakukan transaksi dengan pelanggan harus dengan cara suka rela jangan ada unsur keterpaksaan. Dalam al- Quran Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِحْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ

رَحِيمًا

Maksudnya: "Hai orang - orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan cara yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka di antara kamu".

(Surah al-Nisā' (4) 29)

Peniaga haruslah menetapkan harga yang adil dan berpatutan terhadap sesuatu barang jualan untuk pembeli. Harga yang ditawarkan haruslah mencerminkan interaksi normal di antara permintaan dan penawaran harga. Harga yang tidak adil akan menyebabkan golongan berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan tidak akan dapat memenuhi keperluan mereka.

Peniaga yang baik selalu memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya, demi menjamin keutuhan syarikatnya.

Maka dengan prinsip-prinsip di atas, etika perniagaan Islam sangat menjaga dan mencegah terhadap sebarang kemungkinan berlakunya kerugian terhadap semua pihak. Prinsip kesatuan, keseimbangan dan kebenaran serta kejujuran memperlihatkan adanya suatu konsep perniagaan yang ideal dan baik.

2.4.2.4. Hubungan dengan Pekerja

Pekerja adalah orang bekerja atau membantu seseorang dalam menjayakan perniagaannya. Oleh kerana itu, peniaga ataupun firma harus mengurus pekerja dengan baik dan berlaku adil terhadap semua pekerja.⁸⁷

Dalam sistem Islam ialah setiap bentuk perhubungan tersebut melibatkan dua dimensi iaitu hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan Khaliq sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Dalam erti kata lain setiap hubungan yang baik antara manusia sesama manusia adalah diiktiraf sebagai sebahagian dari urusan ibadat yang diperintah Allah dan akan mendapat ganjaran secara langsung atau tidak langsung dari-Nya. Demikianlah apabila baik hubungan manusia dengan Tuhan-nya ia akan membawa kesan yang baik dalam kehidupan seharian di dunia iaitu dalam konteks hubungan mereka antara sesama manusia, secara umumnya dalam hubungan peniaga dan pekerja. Islam telah menggariskan beberapa prinsip yang perlu dipatuhi oleh peniaga. Antaranya.⁸⁸

1. Peniaga dan pekerja melakukan akad (kontrak). Oleh yang demikian peniaga bertanggungjawab melayan pekerja sebagai seorang manusia, dan pekerja bertanggungjawab melakukan pekerjaan dengan penuh dedikasi. Termasuk dalam pengertian layanan yang baik terhadap pekerja ialah menyegerakan pembayaran upah di atas pekerjaan yang dilakukan.

⁸⁷ Phillip Kotler dan Gary Armstrong, *Principles of Marketing*, Edisi 15 (London: Pearson, 2013), 33.

⁸⁸ Hakim Mohamed Said. *The Employer And The Employee –Islamic Concept*. Trans (Kuala Lumpur: A.S.Noordeen. 1989), 32.

2. Peniaga hendaklah memenuhi kewajipan dari aspek kewangan serta menjaga kebijakan pekerja, manakala pekerja mestilah memenuhi tanggungjawabnya dengan cara bekerja bersungguh-sungguh.

3. Memberi upah gaji yang berpatutan. Sesuai dengan mengambil kira produktiviti dan keuntungan syarikat anda. Gaji yang diberikan perlu juga sesuai dengan kos sara diri setempat pekerja itu bekerja. Keadaan inflasi dan juga kenaikan harga barang perlu diberi perhatian dalam menganggar gaji mereka. Upah atau gaji harus dibayarkan sebagaimana firman Allah dalam Al-Qur'an:

وَأَمَّا الْذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَيُوَفَّىٰهُمْ أُجُورُهُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ



Maksudnya: "... Adapun orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka; dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim.

(Surah Ali Imrān (3) 57)

4. Mewujudkan suasana kerja yang stabil, harmoni, terurus, bersih dan selamat untuk bekerja. Pekerja perlu merasakan bahawa mereka adalah dihargai, dan sentiasa perlu bekerja dalam satu pasukan. Tidak memberi laluan kepada perselisihan atau pergaduhan di antara sesama pekerja. Selesaikan masalah kontraversi di antara mereka. Ini untuk mengelakan daripada penurunan semangat dan moral pekerja untuk bekerja.

5. Keselamatan dalam kerja adalah penting. Ciri-ciri keselamatan haruslah diambil kira walau pun ini bermakna kos pengendalian dan pengurusan bertambah.

6. Memastikan pekerja diberi peluang melanjutkan pendidikan dan diberi latihan secukup dengan berusaha untuk membangunkan personaliti yang seimbang di tempat kerja. Kita tidak mahu pekerja merasa rendah diri dan sentiasa tertekan.

7. Memilih Pekerja yang Sehat dan Amanah

Firman Allah:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَأْبَتِ أَسْتَعْجِرُهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَعْجَرَ الْقَوْىُ الْأَمِينُ ﴿٢٨﴾

Maksudnya “Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambilah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah”.

(Surah al-Qaṣāṣ,(28): 26)

Islam mencela kelalaian dalam menunaikan tanggungjawab sama ada di pihak peniaga atau pekerja. Allah SWT berfirman:

وَيَلٌ لِلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكْنَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَانُوهُمْ أُوْزَانٌ لِلْمُنْهَمِينَ ﴿٣﴾ وَزُنُوْهُمْ تُخْسِرُونَ ﴿٤﴾

Maksudnya:“Kecelakaan besarlah bagi mereka yang curang, iaitu orang yang apabila menerima amanah dari orang lain mereka minta dipenuhi dan apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain mereka kurangi.”

(Surah al-Muṭaffifīn,(83): 1-3)

Menurut ulamak fiqh, perkataan tatfir (mengurangi sukatan) di dalam ayat di atas termasuklah pekerja yang mendapat gaji (upah) yang penuh tetapi cuai menjalankan tanggungjawab mereka dan menggunakan sedikit masa untuk menjalankan pekerjaan tetapnya, mengguna masa yang panjang untuk pekerjaan sampingan lain. Jika dikiaskan kepada peniaga pula, peniaga yang meminta pekerja

bekerja lebih masa daripada yang telah ditetapkan tanpa kerelaan mereka atau tanpa membayar upah yang lebih.⁸⁹

2.4.2.5. Hubungan dengan Pembekal

Sesebuah perniagaan wujud dalam sebuah rangkaian perniagaan. Dalam berurusan dengan pembekal, etika perniagaan mencadangkan seseorang harus menawarkan harga yang berpatutan. Peniaga tidak dibenarkan mengambil kesempatan atas saiz yang berpengaruh kepada harga dan pasaran.

Meskipun pada zaman sekarang telah banyak agensi umum ditubuhkan. Peniaga dilarang daripada mengganggu sistem pasaran bebas menerusi kaedah broker atau agen. Oleh kerana demikian, untuk menjaga hubungan di antara peniaga dengan pembekal, kedua-dua pihak mesti menjaga sistem pasaran dan sentiasa jujur dalam setiap transaksi yang dilakukan agar hubungan baik di antara kedua-duanya tetap terjaga.⁹⁰

Pembekal membekalkan bahan yang diperlukan oleh organisasi perniagaan untuk dijadikan barangniaga yang boleh dijual dan memenuhi citarasa pengguna. Pembekal sendiri juga peniaga yang mendapat keuntungan daripada jualan bahannya kepada organisasi perniagaan lain seperti kedai runcit, pasaraya.

Pembekal sentiasa berinteraksi dengan organisasi perniagaan. Pada hakikatnya, kedua-duanya saling memerlukan di antara satu sama lain dalam dunia perniagaan. Interaksi di antara pembekal dan organisasi perniagaan banyak memberi kesan kepada penetapan corak perjalanan/operasi dan kemajuan sesebuah organisasi perniagaan.

⁸⁹ *Ibid.*

⁹⁰ *Ibid.*, 42.

Hubungan baik peniaga dengan pembekal adalah perlu untuk menjamin operasi sesebuah organisasi perniagaan tidak terganggu dan terus berkembang. Perkara yang sangat perlu dijaga adalah peniaga harus selalu bersikap jujur dan menepati janji.

Tidak mengingkari janji itu akan melahirkan sikap jujur dan orang tersebut akan disenangi oleh semua orang bahkan Allah senang kepada orang tersebut. Sebagai umat Islam seharusnya sikap jujur dan menepati janji diamalkan dalam dunia perniagaan dan dalam kalangan masyarakat. adapun memenuhi perjanjian antara sesama manusia, digambarkan oleh al-Quran dalam surah al-Māidah:

يَعْلَمُهَا الَّذِينَ إِذَا مَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

Ertinya: "... Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.

(Surah al-Māidah (5):1)

Dalam surah yang lain Allah berfirman:

وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتَامَةِ إِلَّا بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشْدَهُ وَأَوْفُوا
الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ لَا نُكَلِّفُ نَفْسًا إِلَّا وُسِّعَهَا وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدُلُوا
وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا دَلِيلَكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Ertinya: "...Dan janganlah kamu hampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik untuk mengawal dan mengembangkannya, sehingga ia baligh dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri; dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan melainkan sekadar kesanggupannya dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat dengan kamu; dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya)".

(Surah al-An'ām (6): 152)

Maksud kejujuran dan boleh dipercayai dalam perdagangan adalah dalam memberi maklumat mengenai perdagangan yang berlaku, dan penjelasan tentang kecacatan atau ketidaksempurnaan barang yang diniagakan, jika ia mempunyai apa apa⁹¹

Jujur adalah sikap yang sesuai antara perkataan dan perbuatan dengan yang sebenarnya. Apa yang diucapkan itulah yang sesungguhnya diperbuat, kejujuran akan mendatangkan barakah dari Allah SWT, sebagai sabda Nabi SAW:

البيعان بالخيار ما لم يتفرق فإن صدقًا وبينًا بورك لهما في بيعهما وإن كذباً محققاً بركة بيعهما وكتما

Maksudnya: “Dalam perniagaan boleh memilih, sebelum bersurai, jika mereka peniaga dan pembekal jujur dan mereka menjelaskan keadaan barang dagangan atau pembayaran dengan jelas makan Allah memberi barakah kepada kedua-dua mereka dalam urus niaga tersebut, tetapi jika mereka berdusta dan menyembunyikan aib dalam urusan perniagaan tersebut, maka hilanglah barakah dalam urus niaga kedua-duanya”.

(Riwayat Bukhārī)⁹²

Dalam proses membayar hutang peniaga perlu melakukan secepat mungkin apabila berkemampuan. Peniaga yang berhutang perlu bersikap jujur membayar segera biarpun belum sampai tempohnya. Itu adalah sebaik-baik cara untuk mengelak wang itu digunakan untuk tujuan lain, menyebabkan tidak mampu menjelaskan hutang apabila tiba masanya. Sikap bertangguh dalam melakukan kebaikan ditegah dalam Islam. Firman Allah dalam al Quran:

⁹¹ Muḥammad al-Shawqānī, *al-Mukhtaṣar Tafsīr Faidū al-Qadīr*, Jilid 3 (Beirut: Dār Al-Kutub Al-Ilmiyyah), 278.

⁹² Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Buyū‘, no 1973 , Cet.3 (Al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Su‘ūdiyyah: Dār al-Salām, 2000), 216.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُم بِدِينِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَآكِتُبُوهُ وَلَيَكُتبَ بَيْنَكُمْ
 كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكُتبَ كَمَا عَلِمَهُ اللَّهُ فَلَيَكُتبْ وَلَيُمْلِلَ الَّذِي عَلَيْهِ
 الْحُقْقُ وَلْيَتَقَرَّرَ اللَّهُ رَبُّهُ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا

Ertinya: "... Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis hutang dan masa bayarannya itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil benar dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu jangan jelas).

(Surah al-Baqarah (2): 282)

Peniga yang baik selalu menulis semua perjanjian hutang yang bersangkutan dengan pembekal kerena mereka merasa satu kewajipan dalam menunaikan janji dan merasa bersalah apabila tidak menulis semua hutang, kerana mencatat hutang bukan sahaja untuk diingati tetapi sebagai bukti bagi pihak lain jika salah seorang daripada penghutang maupun pembiutang meninggal, maka soal hutang itu diselesaikan oleh warisnya.

2.4.2.6. Hubungan dengan Allah

Sebagai seorang hamba, manusia harus selalu patuh dan taat terhadap perintah Allah. Allah adalah Maha Pemberi rezeki kepada hambanya. Oleh kerana itu, sudah sepatutnya kita patuh dan taat terhadap segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ يَتَّلَوُنَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرَّا

وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تَحْرِرَةً لَنْ تَبُورَ

Terjemahannya: “Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka dengan amalan yang demikian mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian”.

(Surah al-Fātīr (35): 29)

Daripada ayat di atas dapat diketahui bahawa hubungan peniaga dengan Allah adalah hubungan yang terpenting daripada semuanya. Peniaga harus benar-benar menjaga hubungan dengan Allah dengan mengerjakan segala perintahNya, seperti menunaikan solat, zakat, dan menolong orang lain, serta menjauhi laranganNya, seperti tidak berlaku curang, tidak melakukan penipuan dan lain-lain. Dengan menjaga hubungan dengan Allah, maka hubungan dengan pelanggan, pekerja dan pembekal dengan terjaga keimanan kita kepada Allah.⁹³

2.4.3. Amalan Etika Perniagaan yang Mengikut Etika Islam

2.4.3.1. Memahami Konsep dan Polisi Perniagaan

Memahami konsep perniagaan bermakna pandai dan cerdik dalam melihat peluang pasaran. Manakala dalam konteks perniagaan, ia bermakna kemampuan seseorang peniaga dalam melakukan pelbagai bentuk polisi yang bertujuan untuk menjalankan perniagaan dengan baik dan jujur, sebagaimana yang diajar dalam al-Qur'an dan al-Hadis. Dalam hal ini pandai dan cerdik dalam konsep perniagaan meliputi dua unsur, iaitu:

⁹³ Muḥammad Alī al-Šābūnī, *Ṣafwatu al-Tafsīr*, Jilid 2 (Kaherah: Dār al-Šābūnī, t.t),575.

1. Pandai dalam hal pentadbiran atau pengurusan perniagaan

Maksud *fātānah* bahagi istilah ialah pandai dalam hal pentadbiran pengurusan perniagaan iaitu hal-hal yang berkenaan dengan aktiviti perlu direkodkan atau dibukukan secara terperinci agar boleh menjaga amanah dan sifat *siddiqnya*. Sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat 282, surah al-Baqarah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِذَا تَدَايَنْتُم بِدِينِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَأَكْتُبُوهُ وَلَيَكُتبَ بَيْنَكُمْ
كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَنْ يَكُتبَ كَمَا عَلِمَهُ اللَّهُ فَلَيَكُتبْ وَلَيُمَلِّ الَّذِي
عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلَيُقْرِئَ اللَّهُ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ
ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمْلِلَ هُوَ فَلَيُمَلِّ وَلِيُهُ بِالْعَدْلِ وَأَسْتَشِدُوا شَرِيدَيْنِ مِنْ
رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَأَمْرَأَتَانِ مِمَّنْ تَرَضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضَلَّ
إِحْدَانُهُمَا فَتَذَكَّرَ إِحْدَانُهُمَا أَلْأَحْرَى وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءِ إِذَا مَا دُعُوا وَلَا تَسْعُمُوا أَنْ
تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَى أَجَلِهِ ذَلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَدَةِ وَأَدْنَى أَلَا
تَرَتَابُوا إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرَةً حَاضِرَةً تُدْرِيُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيَسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَا
تَكْتُبُوهَا وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفْعَلُوا فَإِنَّهُ فُسُوقٌ
بِكُمْ وَأَتَقْوَا اللَّهَ وَعِلْمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾

Terjemahan: "Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis hutang dan masa bayarannya itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhanmu, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. dan jangan saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. dan janganlah kamu jemu

menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiadalah salah jika kamu tidak menulisnya. dan adakanlah saksi apabila kamu berjubel-beli. dan janganlah mana-mana jurutulis dan saksi itu disusahkan. dan kalau kamu melakukan (Apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu. oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.”

(Surah al-Baqarah (2): 282)

Al-Quran telah memberikan sebuah konsep yang ideal dalam bermula, di mana perlunya sebuah buku rekod yang jelas dalam bermula sebagaimana diterang dalam ayat di atas. Peniaga hendaklah menulis untung dan rugi dalam bermula. Dalam realiti hari ini, tidak semua peniaga mengaplikasikan penggunaan buku rekod dalam bermula. Padahal, ini merupakan perkara penting dalam menentukan untung rugi dalam perniagaan. Ini adalah sebuah konsep ideal yang ditawarkan dalam al-Quran serta pedoman bagi para peniaga untuk bermula dengan baik.

2. Pandai dalam memahami selera pembeli yang berhubungkait dengan barang mahupun harta

Dalam hal ini, Rasulullah SAW menunjukkan contoh dengan tidak mengambil untung yang terlalu tinggi berbanding peniaga lain. Ini membuatkan jualan baginda cepat laku.⁹⁴ Dengan demikian, kepandaian di sini berkaitan dengan strategi pemasaran. Umat Islam mencontohi teladan Rasulullah SAW meliputi penampilan, perkhidmatan, pujuan dan kepuasan.

⁹⁴Syeikh Ghazali Syeikh Abod dan Zambry Abdul Kadir, “*Pengurusan Perniagaan Islam*, (Shah Alam: HIZBI Sdn. Bhad, 1991), 288.

- Penampilan: tidak membohongi pembeli, sama ada berkaitan dengan kuantiti mahupun harga. Dalam al-Quran dijelaskan:

﴿ أَوْفُوا الْكَيْلَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُخْسِرِينَ ﴾ وَزِئْوًا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ

﴿ وَلَا تَبْخُسُوا الْنَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْثُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴾

Terjemahan: " Hendaklah kamu menyempurnakan sukatan cupak-gantang, dan janganlah kamu menjadi golongan yang merugikan orang lain. Dan timbanglah dengan neraca yang betul timbangannya. Dan janganlah kamu mengurangi hak-hak orang ramai, dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di bumi.

(Surah al-Syūrā' (26): 181-183)

- Perkhidmatan: Pelanggan yang tidak sanggup membayar secara tunai atau segera, hendaklah diberi tempoh untuk membayarnya. Selanjutnya, pengampunan (bila memungkinkan) hendaklah diberikan jika ia benar-benar tidak sanggup membayarnya.
- Pujukan/Perkataan: Menjauhi sumpah yang berlebihan dalam menjual sesuatu barang.
- Kepuasan: Hanya dengan kesempatan bersama dengan suatu usulan dan penerimaan, penjualan akan menjadi sempurna. Dalam al-Quran Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْتَكُمْ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تَحْرَةً

عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَّحِيمًا

Terjemahan: " Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuhan-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu."

(Surah al-Nisā' (4): 29)

Dari ayat di atas dapat difahami bahwasanya sifat pandai amat penting dalam menjalankan perniagaan kerana sifat ini berkaitan dengan pemasaran; apa yang perlu dilakukan agar barang yang dijual cepat laku dan mendatangkan keuntungan dan bagaimana perlu dilakukan agar pembeli tertarik dan membeli barang tersebut.

Rasulullah SAW juga seorang peniaga yang berjaya dengan sifat kepandaianya dalam bermiaga, sehingga baginda dikenali di seluruh penjuru dunia sebagai seorang ahli perniagaan yang berjaya. Dengan demikian, sifat pandai yang pernah diamalkan oleh Rasulullah SAW diharap menjadi pedoman bagi seluruh umat manusia dalam menjalankan perniagaan.

Dari huraian di atas dapat difahami bahawa sifat pandai meliputi dua unsur: *pertama*, pandai dalam hal pentadbiran atau pengurusan perniagaan dan *kedua*, pandai dalam hal memahami selera pembeli yang berkaitan dengan barang maupun harta.

Di samping kepandaian, seseorang peniaga juga harus bersungguh-sungguh dalam melakukan aktiviti perniagaan. Manusia bekerja sesuai dengan kapasiti beban yang ada dalam diri mereka. Seluruh kehidupannya tidak hanya untuk bekerja, tetapi juga untuk beribadah, beristirehat dan bermasyarakat. Islam tidak hanya memperbolehkan dan mendorong segala bentuk kerja produktif, tetapi Islam juga menegaskan bahawa bekerja keras bagi seorang Muslim adalah suatu kewajipan. Di dalam ayat 7 surah al-Insyirah, Allah SWT menjelaskan:

فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ

Terjemahan: “Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain),”

(Surah al-Insyirah (94): 7)

Seseorang yang telah memenuhi waktunya dengan pekerjaan, kemudian menyelesaikan pekerjaan tersebut, maka jarak waktu antara selesainya pekerjaan pertama dan dimulakan dengan pekerjaan yang baru dinamakan *fansāb*.⁹⁵ Perkataan *fansāb* dalam ayat tersebut bererti berat atau letih. Maka orang yang bekerja itu pasti letih dan pekerjaan itu sesuatu yang berat. Namun kalau dikerjakan dalam rangka untuk mencari keredhaan dan sebagai ibadah kepada Allah SWT, keletihan dan beratnya sesuatu pekerjaan itu tidak menjadi persoalan utama.

Ayat-ayat tersebut di atas tidak hanya menyebutkan berjual beli sebagai perniagaan, tetapi juga amalan membaca al-Quran, mendirikan solat, bersedekah, berjihad, berzikir dan mengeluarkan zakat diberikan penekanan sebagai perniagaan yang tidak pernah merugikan.

Segala perbuatan, walau sekecil mana pun yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT selalu menguntungkan. Jika menemui jalan yang menurut perasaan dan fikiran manusia semata-mata, maka ia adalah merugikan dan tidak baik bagi seseorang, kerana ketika itu fikiran dan perasaannya dirasuki oleh hasutan syaitan. Jangan ragu-ragu untuk berniaga dengan Allah SWT kerana ini adalah pelaburan abadi.

Sejarah telah mencatatkan bahawa dengan mengamalkan etika perniagaan menurut Islam sebagaimana tersebut di atas, para peniaga Arab Islam dahulu mampu menikmati kejayaannya, sehingga mereka dikenali hampir seluruh penjuru dunia.⁹⁶

Salah satu metode yang digunakan al-Quran untuk memudahkan memahami ayat-ayatnya adalah dalam membahas suatu persoalan, ia disesuaikan dengan kebiasaan

⁹⁵ Muhammad Quraish Shihab, “Etika Perniagaan (Bandung Darul ilmu),194.

⁹⁶Muhammad dan R.Lukman Faurani, “Visi Al-Qur'an,” 72.

umum dalam masyarakat tersebut. Pada ketika turunnya al-Quran, orang-orang Quraisy dikenali sebagai peniaga yang ulung. Sehingga saat ini setiap masyarakat sangat mengenali dunia perniagaan bahkan ia mendominasi kegiatan masyarakat seharian.⁹⁷

Rasulullah SAW dalam menjalankan perniagaan, sangat bersungguh-sungguh. Pada masa baginda berniaga barang-barang perniagaan milik Siti Khadijah binti al-Khuwailid dari Mekah ke Syam. Baginda melakukannya dengan penuh kesungguhan sehingga semua barang perniagaannya laku terjual dan mendapat keuntungan. Rasulullah bersabda:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَعَلِيُّ بْنُ مُحَمَّدٍ وَإِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ بْنِ حَبِيبٍ
قَالُوا حَدَّثَنَا أَبُو مُعاوِيَةَ حَدَّثَنَا الْأَعْمَشُ عَنْ إِبْرَاهِيمَ عَنْ الْأَسْوَدِ عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ أَطْيَبَ مَا أَكَلَ الرَّجُلُ مِنْ كَسْبِهِ وَإِنَّ
وَلَدَهُ مِنْ كَسْبِهِ

Maksudnya: “Sungguh sebaik-baik rezeki yang dimakan oleh seorang laki-laki dan keterunannya adalah hasil dari usahanya sendiri yang halal”

(Riwayat Ibnu Majah)⁹⁸

Oleh kerana itu, sifat bersungguh-sungguh dalam usaha merupakan modal dasar bagi para peniaga untuk berhasil dan mencapai kejayaan dalam perniagaan.

Dalam realiti kehidupan umat manusia sekarang, sifat bersungguh-sungguh mulai memudar sehingga sifat putus asa mudah melekat pada jiwa mereka dan boleh menyebabkan kegagalan terjadi. Pada dasarnya, sifat bersungguh-sungguh dalam berniaga merupakan punca kemajuan dan keberhasilan dalam melakukan perniagaan.

⁹⁷ Ahmad Mustaq, *Etika Perniagaan dalam Islam* (Jakarta: Pustaka Al-Kautsar, 2001), 42.

⁹⁸ Muhammad bin Yazid al-Qazwaini, *Sunan Ibnu Majah*, Kitab Tijarah, Bab Hass ‘Ala al-Makasib, Jilid 2, No. 2128 (Beirut: Maktabah ‘Ilmiyyah, t.t), 713.

Oleh kerana itu, umat manusia perlu mengaplikasikan sifat ini dalam perniagaan untuk mencapai keberhasilan dan kejayaan.

2.4.3.2. Larangan Riba

Riba mempunyai fenomena tersendiri dalam Islam. Ia diharamkan oleh al-Quran secara nyata dan dijelaskan oleh Rasulullah SAW melalui hadisnya dan difahami oleh para ulama dengan pelbagai pandangan. Riba bukan sahaja dilarang dalam ajaran Islam, bahkan semua agama samawi mengharamkannya.⁹⁹

Rasulullah SAW mengajar para peniaga supaya sentiasa bersikap adil, baik, kerjasama, amanah, tawakal, *qana'ah*, sabar, dan tabah. Baginda juga menasihati agar peniaga meninggalkan sifat kotor perniagaan yang hanya memberikan keuntungan sebentar, tetapi merugikan diri sendiri dunia ni dan ukhrawi. Akibatnya, kredibiliti diri hilang, pelanggan lari dan akibatnya kehidupan menjadi sempit.¹⁰⁰

Secara etimologi, riba bererti *al-ziyādah* (tambah) dan *al-namā'* (tumbuh).¹⁰¹ Meski pun ada perbezaan pada kedua-dua perkataan tersebut, tetapi ia mempunyai makna yang sama iaitu adanya lebihan atau penambahan pada suatu yang tertentu. Menurut Imam Hanbali, riba adalah tambahan pada sesuatu yang dikhususkan.

⁹⁹ Berkaitan dengan masalah ini, hampir semua buku membahaskan riba secara perbandingan iaitu menyebutkan tinjauan daripada ajaran agama masing-masing. Sebagai contoh, M. Syafii Antonio, *Bank Syariah: Wacana Ulama & Cendikiawan* (Jakarta:Tazkia, 1999), 65,70, menyebutkan terdapat beberapa pengertian riba, antara lainnya ialah bunga adalah semua bentuk yang diminta sebagai imbalan yang melebihi jumlah barang yang dipinjamkan. Mengambil bunga adalah suatu dosa yang dilarang melakukannya, baik dalam perjanjian lama maupun perjanjian baru. Keinginan atau niat untuk mendapat imbalan melebihi apa yang dipinjamkan adalah suatu dosa, bunga harus dikembalikan kepada pemiliknya, harga barang yang ditinggikan untuk penjualan secara kredit juga merupakan bunga yang tersembunyi.

¹⁰⁰ Muhammad Akram Khan, *Economic Teaching of Prophet Muhammad* (Islamabad: IIIE & IPS, 1989), 133.

¹⁰¹ Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab*, jilid.7 (Beirut: Dār al-Šādir, 1989), 345.

Abu Ḥanīfah pula mendefinisikannya sebagai melebihkan harta dalam suatu transaksi tanpa pengganti atau ganjaran.¹⁰² Maksudnya, tambahan terhadap barang atau wang yang timbul daripada transaksi hutang piutang yang harus diberikan oleh pihak berhutang kepada pihak penghutang pada waktu yang sama. Menurut definisi ini, apabila berlaku pertukaran barang yang digolongkan ke dalam riba ukurannya harus sama, baik dari segi berat atau pun ukurannya. Jadi, apabila seseorang menukar satu gram emas dengan orang lain, maka ia harus menerima satu gram juga. Kalau berlaku lebihan, maka ia adalah riba.

Demikian juga dalam berkontrak, jika pihak-pihak sudah sepakat menukarkan barangnya dengan barang lain atau wang, maka harus diserahkan secara tunai pada masa yang sama, tidak boleh menunda penyerahannya baik salah satu maupun kedua-duanya. Di samping itu, ukuran harta yang ditukar harus diketahui jumlahnya ketika berlangsungnya kontrak.

Riba telah berlaku luas di kalangan masyarakat Yahudi sebelum kedatangan Islam, sehingga masyarakat Arab pada masa sebelum dan awal kedatangan Islam turut melakukan *mu'amalah* dengan cara itu. Para ulama fiqh sepakat menyatakan bahawa *mu'amalah* dengan cara riba ini hukumnya haram.¹⁰³ Pengharaman riba ini boleh ditemui dalam ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Rasulullah SAW. Di dalam al-Qur'an, para *mufassir* mengatakan bahawa proses pengharaman riba disyariatkan Allah SWT secara berperingkat.

Tahap pertama, Allah SWT menunjukkan bahawa riba itu bersifat negatif. Kenyataan ini disampaikan Allah SWT dalam ayat 39, surah al-Rūm yang berbunyi:

¹⁰² Wahbah al-Zuḥaylī, *Al-fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*, jilid.5 (Beirut: Dār al-Fikr, 2005), 3698.

¹⁰³ Ibn 'Ābidīn, *Radd al-Mukhtār 'alā al-Dūr al-Mukhtār*, jilid. 4 (Beirut: Dār al-Fikr, t.t),165.

وَمَا ءَاتَيْتُم مِّنْ رِبَّا لَيَرُبُّوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوْا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا ءَاتَيْتُم مِّنْ زَكْوَةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ

Terjemahannya: “Dan (ketahuilah bahawa) sesuatu pemberian atau tambahan yang kamu berikan, supaya bertambah kembangnya dalam pusingan harta manusia maka ia tidak sekali-kali akan kembang di sisi Allah (tidak mendatangkan kebaikan). dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda”.

(Surah al-Rūm (30): 39)

Ayat ini merupakan ayat pertama yang membicarakan tentang riba. Menurut para *mufassir*, ayat ini termasuk ayat *Makkiyah* (ayat-ayat yang diturunkan di Mekah). Akan tetapi, mereka bersepakat menyatakan bahawa ayat ini tidak membahaskan tentang pengharaman riba.

Tahap kedua, Allah SWT telah memberi isyarat akan pengharaman riba melalui kecaman terhadap amalan riba di kalangan masyarakat Yahudi. Hal ini disampaikan-Nya dalam ayat 16, surah al-Nisā’ :

وَأَخْذِهِمُ الْرِّبَوْا وَقَدْ هُوَ عَنْهُ وَأَكْلِهِمْ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَطْلِ وَأَعْتَدْنَا لِلْكَفِرِينَ مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا

Terjemahannya: “Dan juga disebabkan mereka mengambil riba padahal mereka telah dilarang melakukannya, dan disebabkan mereka memakan harta orang dengan jalan yang salah tipu, judi dan sebagainya. dan ingatlah Kami telah menyediakan bagi orang-orang yang kafir di antara mereka, azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

(Surah al-Nisā’ (4): 161)

Tahap ketiga, Allah SWT dengan tegas mengharamkan salah satu bentuk riba, iaitu yang berlipat kali ganda. Hal ini disampaikan oleh Allah SWT di dalam ayat 130, surah ‘Āli ‘Imrān :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا لَا تَأْكُلُوا أَرْبَوْا أَصْعَافًا مُّضَعَّفَةً وَاتَّقُوا اللَّهَ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Terjemahannya: “Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda, dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah supaya kamu berjaya”.

(Surah Ali ‘Imrān (3): 130)

Secara umumnya, ayat di atas harus difahami bahawa yang dimaksudkan kerriteria berlipat ganda bukan merupakan syarat daripada berlakunya riba, tetapi merupakan sifat atau ciri-ciri daripada amalan menggandakan wang ketika itu. Dalam hal ini, al-Ṭabari menjelaskan bahawa *'ad'āfan muḍā'afah* boleh berlaku juga atas permintaan pembaharuan semasa hutang dan salah satu pihak yang berhutang akan memberi lebih ataupun pemberi hutang itu sendiri meminta lebihan atas piutangnya.¹⁰⁴ Dengan demikian, pertambahan sedikit atau berlipat kali ganda bunga tetap merupakan riba. Demikian juga ayat ini juga perlu difahami secara menyeluruh dengan ayat (278)-(279), surah al-Baqarah.

Tahap terakhir, Allah SWT mengharamkan riba secara menyeluruh dengan segala bentuknya. Hal ini disampaikan melalui firman-Nya dalam ayat (275), (276) dan (278), surah al-Baqarah. Dalam ayat (275), Allah SWT menyatakan bahawa jual beli sangat berbeza dengan riba. Manakala dalam ayat (276) menjelaskan bahawa Allah SWT memusnahkan riba dan dalam ayat (278) surah al-Baqarah yang bermaksud:

¹⁰⁴ Abū Ja’far Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabārī, *Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wīl ayi al-Qur’ān*, jilid. IV, cet. 2 (Miṣr: Muṣṭafā al-Bāb al-Ḥalabī, 1954), 90.

يَتَأْمُوا أَنَّهُمْ وَذَرُوا مَا يَقِنَّ إِنَّ الْرَّبَّوْا إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

Terjemahannya: “Wahai orang-orang yang beriman! bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah, jangan menuntut lagi saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman.”

(Surah al-Baqarah (2): 278)

Pada tahap terakhir ini, Allah SWT memerintahkan supaya meninggalkan segala bentuk riba yang masih ada. Pengharaman riba secara menyeluruh ini, menurut para ulama fiqh, berlaku pada akhir abad ke-8 atau awal abad ke-9 Hijrah. Alasan pengharaman riba juga dijelaskan dalam sunnah Rasulullah SAW. Di antaranya adalah sabda Rasulullah SAW dari Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Muslim tentang tujuh dosa besar, di antaranya adalah memakan riba. Dalam riwayat ibnu Mas'ud dikatakan: Rasulullah SAW melaknat para pemakan riba, yang memberi makan dengan cara riba, para saksi dalam masalah riba dan para penulisnya.¹⁰⁵

Secara jelasnya Allah SWT telah memberikan penjelasan dalam al-Quran mahupun al-Sunnah tentang larangan riba dalam segala bentuk transaksi perniagaan. Selain adanya unsur penambahan riba, ia juga menyebabkan kezaliman pada salah satu pihak.

Riba sebenarnya bukan hanya Islam yang mengharamkan dan mengutuk amalan riba, Sebenarnya bukan hanya Islam yang mengharamkan dan mengutuk amalan Riba, malah ia juga di haramkan di kalangan orang Yahudi. Larangan ini terdapat di dalam kitab mereka sama ada di dalam kitab undang-undang Talmud ataupun Ibrani. Rujuk bab Exodus ayat-ayat (22:35-37) menyebut : Janganlah engkau mengambil bunga wang

¹⁰⁵ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Al-Itqān fi 'Ulūm al-Qur'an*, Jilid 1 (Miṣr: Al-Azhar, 1318),27.

atau riba daripadanya. Selain itu Riba juga dicela oleh ajaran Kristian sebagaimana yang terdapat di dalam bab Luke 6:34-35)¹⁰⁶

1. Riba Dalam Pinjaman.

Apabila seorang peniaga datang ke bank konvensional atau sebarang Institusi kewangan yang tidak menawarkan produk Islam untuk membuat urusan perniagaan, sebagai berikut:

- Mendapatkan modal syarikat (Term Loan atau Overdraft)
- Membeli mesin dan alatan untuk syarikat (Hire Purchase Loan)
- Membuat pinjaman peribadi (Personal Loan)

Dalam proses pinjam meminjam di atas, proses pinjam meminjam antara kedua-dua pihak akan dibuat di bawah nama ‘faedah’ bagi membolehkan pelanggan mendapat wang yang diperlukan. Pihan bank akan mengenakan 8 % faedah tambahan dari wang yang diambil oleh peminjam, itulah yang dinamakan riba ad-Duyun jenis al-Qard.¹⁰⁷ Semua jenis pulangan seperti ini adalah riba secara sepakat ulama .¹⁰⁸

Nabi SAW bersabda:

الْأَحِدُ وَالْمُعْطِي فِيهِ سَوَاءٌ

Maksudnya : " Pemberi (riba) dan pengambil riba adalah sama "

(Riwayat Aḥmad bin Ḥambal)¹⁰⁹

¹⁰⁶ Muḥammad Abū Zāhrāh, *Taḥrīm al-Ribā wa Tanzīm al-Iqtisādī* (Miṣr Dār al-Salām , t.t.),55.

¹⁰⁷ Zaharuddin Abd Rahman, *Riba dan Isu Kewangan Semasa* (Kuala Lumpur: Telaga Biru 2010) ,2-3.

¹⁰⁸ Yusūf al-Qaraḍāwī, *Fawāid al-Bunūk Hiya Ar-Ribā al-Harām* (Miṣr Muassasah al-Risālah, 2001) , 44.

¹⁰⁹ Aḥmad bin Ḥambal, *Musnād Aḥmad*, Kitāb al-Tijārah bāb al-buyū al-Ribā No. 11040, Cet. Ke- 4 (Beirut: Dār Ihyā' ʻal-Turath al-‘Arabi, t.t), 119.

Riba diharamkan kerana eksplorasi kesusahan pelanggan. Hanya pelanggan yang mempunyai keperluan kewangan mendesak terpaksa pergi ke bank bagi mendapatkan pinjaman untuk mengatasi masalah kewangannya, tetapi dalam keadaan kewangannya mendesak, pihak bank pula mengenakan bayaran tambahan (*interest*) atas pinjaman yang diberikan. Inilah yang dinamakan riba itu menekan dan menindas, ia ditambah pula apabila si pelanggan gagal membayar bayaran bulanan yang telah ditetapkan oleh pihak bank. Ketika itu, peminjam dikehendaki membayar penalti pula, penalti ini juga bersifat "*compounding*", ia adalah riba yang menekan lagi menindas yang kelihatannya sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat.¹¹⁰

2. Riba dalam Akaun Simpanan dan Pelaburan di Bank Konvensional

a. Akaun Pelaburan Dengan Pulangan Tetap (*Fixed Deposit account*)

Dalam akaun jenis ini, Individu A meletakkan wangnya di dalam "*conventional fixed deposit account*". Kemudian, kumpulan wang itu akan digunakan sama ada bagi pelaburan wang terus ke dalam mana-mana syarikat yang kukuh bagi mendapatkan pulangan yang baik ataupun digunakan untuk memberikan pinjaman secara riba kepada syarikat-syarikat yang datang kepada bank untuk tujuan perniagaan mereka, sama ada perniagaan itu halal mahupun haram.¹¹¹

Sekiranya bank mendapat untung yang amat lumayan hasil penggunaan wang simpanan, bank tetap hanya perlu membayar kadar kecil kepada pelanggan, maka pelanggan pastinya dikira rugi. Sebaliknya, sekiranya bank menghadapi kerugian, bank tetap perlu membayar kadar *interest* itu tanpa mengira sama ada ia akan menambah

¹¹⁰ Zaharuddin Abd Rahman, *Riba dan Isu Kewangan Semasa* (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2010) ,2.

¹¹¹ *Ibid.*, 3.

beban kerugiannya atau tidak. Maka, kerugian bank pasti bertambah dan membebankan.¹¹²

2.4.3.3.Larangan Penimbunan (*ihtikār*)

Islam sangat melarang amalan penimbunan komoditi (*ihtikār*) dalam setiap aktiviti perniagaan. Islam mengajak pemilik-pemilik harta untuk mengembangkan harta mereka dan melaburkannya, serta melarang mereka daripada membekukan dan tidak menggunakan harta. Maka pemilik tanah tidak boleh membiarkan tanahnya daripada tidak diusahakan pertanian apabila masyarakat memerlukan tanaman-tanaman dan buah-buahan. Demikian juga dengan pemilik kilang, di mana manusia memerlukan produknya, kerana ini bertentangan dengan prinsip *istikhlāf* (amanah pinjaman dari Allah SWT).¹¹³

Islam tidak membenarkan pemilik wang untuk menimbunnya dan menahannya daripada peredaran, sedangkan masyarakat dalam keadaan memerlukan untuk menggunakan wang itu untuk projek-projek yang bermanfaat dan dapat membawa kesan berupa membuka peluang pekerjaan kepada penganggur dan menyemarakkan aktiviti ekonomi. Tidak hairanlah jika al-Quran memberi peringatan kepada orang-orang yang menyimpan harta dan yang bersikap mementingkan dirinya sendiri dengan ancaman yang berat. Allah SWT berfirman:

¹¹² Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fawāid al-Bunūk Hiya Al-Ribā al-Harām* (Miṣr: Muassasah al-Risālah, 2001),44.

¹¹³ Akhmad Mujahidin, *Etika Perniagaan Dalam Islam (Analisis Terhadap Aspek Moralitas Pelaku Perniagaan) Hukum Islam*, v. 4, No. 2. 2000, 117.

* يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنْ أَلْهَبَارِ وَالرُّهْبَانَ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ
 الْنَّاسِ بِالْبَطْلِ وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ
 وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرُهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

Terjemahaanya: “Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan Ahli-ahli ugama Yahudi dan Nasrani memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi manusia dari jalan Allah (ugama Islam). dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya”.

(Surah al-Tawbah (9): 34)

Islam memberikan batasan terhadap pemilikan harta dalam membangunkan dan melaburkannya dengan cara benar menurut hukum syarak, tidak bertentangan dengan akhlak, norma dan nilai-nilai kemuliaan. Ia juga tidak bertentangan dengan kemaslahatan sosial kerana Islam tidak memisahkan ekonomi dengan akhlak. Justeru, pihak pemodal dalam Islam tidak sama dengan teori materialistik. Dengan ini juga, Islam mengharamkan perbuatan mengembangkan harta dengan cara *ihtikar*. Rasulullah SAW bersabda.

حَدَّثَنَا سُرَيْجٌ حَدَّثَنَا أَبُو مَعْشَرَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَمْرُو بْنِ عَلْقَمَةَ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ
 عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ احْتَكَرَ حُكْرَةً
 بُرِيدُ أَنْ يُغْلِيَ بِهَا عَلَى الْمُسْلِمِينَ فَهُوَ خَاطِئٌ

Maksudnya:: Telah menceritakan kepada kami Suraij berkata; telah menceritakan kepada kami Abu Ma'syar dari Muhammad bin 'Amru bin Alqomah dari Abu Salamah dari Abu Hurairah ia berkata; Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam Bersabda: "Barangsiapa menimbul (bahan makanan, pent) dengan maksud menaikkan harga atas kaum muslimin maka ia telah berdosa."

(Riwayat Ahmad)¹¹⁴

¹¹⁴ Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad*, Kitāb al- Tijārah bāb al-buyū' No. 8263, Cet. Ke- 4 (Beirut: Dār Ihyā' ̄l-Turath al-‘Arabi, t.t), 229.

Ancaman ini dilakukan kerana orang yang menyimpan barang tersebut ingin membina kekayaan di atas penderitaan orang lain tanpa mempedulikan apakah mereka kelaparan atau menderita. Yang penting dia mendapat keuntungan yang begitu besar hasil pengumpulan harta dengan cara *ihtikar* ini. Semakin masyarakat memerlukan barang berkenaan, semakin dia menyorokkannya, dan semakin mudah harga barang tersebut naik di pasaran.

Ajaran Islam sangat menentang keras amalan *ihtikar* ini kerana ia merupakan salah satu bentuk kesalahan dalam perniagaan, sehingga merugikan pihak lain. Ini dapat merosakkan perniagaan Islam.

2.4.3.4. Larangan Menipu dan Mengurangkan Timbangan

Islam melarang melakukan penipuan dalam takaran dan timbangan. Perkara ini dapat merosakkan akidah peniaga Islam. Oleh yang demikian, Islam sangat menentang perkara tersebut. Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

وَإِذَا أَكْتَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿١﴾
وَيْلٌ لِّلْمُطَفِّفِينَ ﴿٢﴾
كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ تُخْسِرُونَ ﴿٣﴾

Terjemahannya: “Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (*dalam timbangan dan sukatan*), Iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (*gantang cupak*) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (*sebaliknya*) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi”.

(Surah al-Muṭaffifin (83): 1-3)

Dari ayat di atas dapat difahami bahawa Allah SWT sangat menentang dan melarang amalan mengurangkan timbangan kerana ia adalah kesalahan dalam perniagaan yang dapat merosakkan akhlak umat Islam yang menyebabkan ia merampas

hak orang lain. Ini menimbulkan kesan buruk terhadap dunia perniagaan kerana menimbulkan rasa ketidak percayaan pembeli terhadap peniaga yang tidak amanah. Oleh kerana itu, peniaga seperti ini mendapat ancaman seksa di akhirat. Sudah semestinya peniaga Muslim hendaklah menjauhi amalan keji ini.

Melakukan kesalahan dalam perniagaan menyebabkan timbulnya ketidakadilan dalam masyarakat. Untuk itu, seorang peniaga harus berhati-hati, jangan sekali-kali berdusta, kerana dusta itu bahaya bagi peniaga. Dusta itu merupakan perbuatan jahat dan kejahatan itu menyebabkannya ke neraka. Setiap darah dan daging yang tumbuh dari barang haram, maka neraka adalah tempat yang tepat baginya. Selain itu elakkan pula banyak bersumpah, khususnya sumpah dusta sebab Rasulullah SAW pernah bersabda:

ثَلَاثَةٌ لَا يُكَلِّمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ وَلَا يُزْكِيْهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

فَقَرَأَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَةً، قَالَ أَبُو ذِرٍّ حَسِرُوا، وَخَابُوا :

قَالَ ، الْمُسِبِّلُ وَالْمُنْفِقُ سَلَعْتَهُ بِالْحَلْفِ الْكَاذِبِ . أَوِ الْفَاجِرِ وَالْمَنَّانُ

Maksudnya: “Tiga golongan manusia yang tidak akan dilihat Allah SWT nanti di hari kiamat dan tidak akan dibersihkan, dan baginya adalah seksaan yang pedih, maka mengulang oleh Rasulullah SAW: bertanya Abū Dūr sapamereka itu? berkata Rasulullah SAW: Iaitu orang yang sompong, orang yang suka mengungkit-ungkit balik pemberiannya, dan orang yang menyerahkan barang niagaannya (kepada pembeli) dengan sumpah palsu.

(Riwayat Muslim)¹¹⁵

Dengan demikian, seorang peniaga perlu menjauhi penipuan kerana perbuatan menipu tidak termasuk kalangan umat Islam. Islam juga melarang para peniaga mengurangkan timbangan dan sukatan kerana perbuatan ini membawa kecelakaan. Oleh

¹¹⁵ Muslim bin Hajjāj al-Qushayrī, *Šaḥīḥ Muslim* Bāb Kasbi al-Rajul wa ‘Amalih Biyadih Jilid 8, No 2319 (Riyāḍ: Dirāsat Idārah al-Buḥūth al-‘Ilmiyyah wa al-Iftā’ wa al-Da’wah wa al-Irshād, 1400), 103.

itu, sikap berhati-hati dalam menyukat dan menimbang ini perlu dilakukan kerana sifat tidak amanah dalam menyukat dan menimbang merupakan tindakan kezaliman yang sukar ditebus dengan taubat. Ini disebabkan kesulitan mengumpulkan kembali para pembeli yang pernah dianaya dengan mengembalikan hak-hak mereka.

2.4.4. Amalan Perniagaan Yang Tidak Beretika

Walaupun kebanyakan syarikat dan organisasi perniagaan kebelakangan ini mendapatkan keuntungan yang menggalakkan, tapi malangnya pada masa yang sama terdapat pelbagai amalan perniagaan yang tidak beretika dipraktikkan dalam kebanyakan organisasi sama ada di Malaysia maupun di seluruh dunia. Abdul Razak Omar dan Nor Zanah Jamari telah menghuraikan beberapa perniagaan yang tidak beretika, seperti berikut:¹¹⁶

1. Promosi jualan murah secara palsu
2. Pencemaran dan pemusnahan alam sekitar akibat pengeluaran barang industri
3. Penipuan mutu barang
4. Penipuan dalam alat timbangan dan sukatan
5. Pemalsuan maklumat dalam pengiklanan
6. Kegiatan perniagaan haram tanpa permit
7. Penyelewengan melalui jualan langsung
8. Penyelewengan tanda harga barang
9. Menyorok barang bagi tujuan kenaikan harga
10. Pengedaran barang palsu
11. Penyewelengan dalam sewa beli

¹¹⁶ Abdul Razak Omar dan Nor Zanah Jamari, *Etika Perniagaan Dalam Sistem Tripartite Malaysia* (Selangor: Rizzan Designs Enterprise, 2001), 14.

12. Pengedaran dalam karya-karya cetak rompak
13. Pembelian oleh jabatan kerajaan yang tidak mengikut peraturan
14. Isu alam sekitar iaitu pencemaran industri
15. Jualan murah yang palsu
16. Penipuan wang atau mutu barang melalui e-dagang
17. Pengedar dadah
18. Menggunakan buruh asing tanpa permit yang berkos rendah untuk menjalankan perniagaan

Di Malaysia pula, terdapat beberapa bilangan kes amalan perniagaan yang tidak beretika. Kes tersebut mengikut jenis perniagaan yang dikenakan tindakan oleh Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia.¹¹⁷

Di antara amalan perniagaan yang tidak beretika yang terjadi di Malaysia adalah: kegagalan meletak tanda harga, kegagalan meletak label, menyorok barang-barang, mengedarkan barang tiruan dan pengiklanan palsu, penyelewengan dalam jualan murah, penyelewengan dalam sewa beli, penyelewengan dalam timbang dan sukat, dan pengedaran karya-karya cetak rompak.¹¹⁸

Di Malaysia mempunyai satu badan hukum penguat kuasa ditubuhkan pada 17 April 1972 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (MTI) dengan objektif untuk membantu kerajaan membendung inflasi pada masa itu. Bahagian Penguatkuasa telah diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang kini dikenali sebagai Kementerian

¹¹⁷*Ibid.*, 15.

¹¹⁸*Ibid.*

Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Tugas membanteras penyelewengan perdagangan dalam negeri, membanteras aktiviti perniagaan yang tidak beretika bagi melindungi pengguna daripada dieksplotasikan oleh peniaga di bawah Akta Sewa Beli 1967, Akta Timbang dan Sukat 1972, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993, Akta Pelindungan Pengguna 1999 dan Akta Perihal Dagangan 2011 termasuk aktiviti jualan murah.

Melindungi hak harta intelek melalui tindakan pemberantasan kegiatan cetak rompak di bawah Akta Hakcipta Subseksyen 5 (1), Akta Hakcipta 1987 Akta (332) dan pemberantasan kegiatan pengeluaran, pengedaran dan penjualan barang tiruan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011:

1. Mengawalselia pengilangan cakera optik di bawah Akta Cakera Optik 2000 dan pengeluaran label cakera optik serta penguatkuasaannya di bawah Perintah Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010;
2. Membanteras penyelewengan barang kawalan bersubsidi serta menstabilkan bekalan barang-barang perlu supaya mudah diperolehi di pasaran di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan Akta Kawalan Bekalan 1961;
3. Mengeluarkan Surat Kuasa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961;
4. Menstabilkan harga barang-barang perlu di pasaran di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti pencatutan 2011;
5. Melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan (SKHMP) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.¹¹⁹

¹¹⁹PKDN, Bahagian Penguatkuasa PKDN, dikemas kini pada : 22 Mac 2012,
<http://www.kpdnkk.gov.my/web/guest/kpdnkk/org/penguatkuasa/fungsi>

Pertubuhan kerajaan Malaysia menyediakan pusat pengurusan aduan pengguna, apabila ada peniaga yang melanggar hak pengguna dan melanggar undang-undang perniagaan yang telah ditetap oleh Kementerian perdagangan dalam negeri. Menerima aduan daripada pengadu melalui telefon, laman web, surat dan datang sendiri ke Pusat Pengurusan Aduan Pengguna (PPAP).

2.5. Kesimpulan

Bidang Etika merupakan cakupan ilmu yang luas. Etika perniagaan pula merupakan amalan etika yang diamalkan oleh setiap peniaga terhadap perniagaan mereka. Amalan ini bergantung kepada kefahaman peniaga terhadap etika perniagaan.

Konsep etika perniagaan dalam Islam lebih dikenal dengan akhlak. Dalam perniagaan, etika/akhlak sangatlah diperlukan dalam segala amalannya. Sehingga apapun yang dilakukan akan memberi kesan positif terhadap perniagaan. Manakala, jika amalan buruk yang dilakukan maka juga akan memberi kesan negatif pada perniagaan yang dilakukan oleh para peniaga.

Dalam etika perniagaan Islam, amalan dan prinsip-prinsip etika perniagaan harus berpedoman kepada al-Quran dan hadis sebagai pedoman dalam ajaran Islam, para peniaga harus benar-benar faham mengenai konsep perniagaan dan polisi dalam perniagaan, riba dalam perniagaan Islam, larangan penimbunan, dan larangan menipu serta mengurangkan timbangan.